

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**HUBUNGAN DI ANTARA AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
TINGKAH LAKU KESELAMATAN DI SALAH SATU TAPAK BINAAN DI
KOTA KINABALU**



RUSHAMIZAN BIN RUSTAM

UUM
Universiti Utara Malaysia

**MASTER OF SCIENCE
OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT (MOSH)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

DECEMBER 2017

**HUBUNGAN DI ANTARA AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
TINGKAH LAKU KESELAMATAN DI SALAH SATU TAPAK BINAAN DI
KOTA KINABALU**

Oleh:



**RUSHAMIZAN BIN RUSTAM
821314**

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Tesis Diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
Bagi Memenuhi Keperluan Sarjana Sains
Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
2017**



Othman Yeop Abdullah
Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN
(Certification of Research Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)

RUSHAMIZAN BIN RUSTAM (821314)

Calon untuk Ijazah Sarjana
(Candidate for the degree of)

MASTER OF SCIENCE (OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH MANAGEMENT)

Telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk
(has presented his/her research paper of the following title)

**HUBUNGAN DI ANTARA AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN TINGKAH LAKU
KESELAMATAN DI SALAH SATU TAPAK BINAAN DI KOTA KINABALU**

Seperti yang tercatat di mukasurat tajuk dan kulit kertas penyelidikan
(as it appears on the title page and front cover of the research paper)

Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : **NORIZAN BT. HAJI AZIZAN**
(Name of Supervisor)


Tandatangan : _____
(Signature)

Tarikh : _____
(Date)

KEBENARAN MERUJUK

Kertas projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan bagi pengurniaan Sarjana Sains dalam Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan , Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Kertas Projek atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap kertas projek ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:



Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok Kedah Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengkaji amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan di salah satu tapak binaan di Kota Kinabalu. Satu sampel telah diambil secara rawak yang terdiri daripada 127 orang pekerja daripada 192 orang pekerja secara keseluruhan. Data kajian diperoleh dengan menggunakan soal kaji selidik untuk pekerja di tapak binaan tersebut. Hasil ujian mendapati wujud hubungan yang signifikan di antara amalan pengurusan keselamatan dengan tingkah laku selamat. Latihan keselamatan mempunyai perhubungan signifikan yang tertinggi dengan tingkah laku selamat iaitu latihan keselamatan ($r=0.515$, $p<0.01$), kemudian diikuti dengan komitmen pengurusan ($r=0.435$, $p<0.01$) dan terakhir ialah prosedur dan peraturan keselamatan iaitu ($r=0.239$, $p<0.01$). Dalam pada ini, nilai kolerasi yang positif juga menunjukkan wujud perhubungan yang positif antara pembolehubah. Untuk ujian regresi berganda yang dijalankan, Keputusan analisis menunjukkan daripada tiga yang dikaji dalam kajian ini, hanya latihan keselamatan sahaja yang signifikan terhadap tingkah laku keselamatan ($B = 0.339$, $t = 3.496$, $p<0.01$). Walau bagaimanapun, ia masih memerlukan kajian yang lebih meluas dan mendalam. Penemuan ini memberi panduan yang berharga bagi para penyelidik dan pengamal dalam mengenal pasti mekanisme yang mana boleh meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

Katakunci: Tingkah Laku Keselamatan, Prosedur dan Peraturan Keselamatan, Latihan Keselamatan dan Komitmen Pengurusan.

ABSTRACT

This purpose of this study is to aimed at reviewing safety management practices and safety behaviors at one of the construction site in Kota Kinabalu. A sample was taken randomly consisting of 127 workers from 192 employees as a whole. Survey data was obtained by using questionnaire for workers at the site. The positive correlation value also indicates a positive relationship between the variables. Test results founded significant to all relationships between safety management practices and safe behavior. Safety training has the highest significant relationship within safety behavior ($r = 0.515$, $p < 0.01$), followed by management commitment ($r = 0.435$, $p < 0.01$) and the last is rules and procedures ($r = 0.239$, $p < 0.01$). On the other hand, for regression tests, the results of the analysis showed that the three studied in this study were only significant safety training on safety behavior ($B = 0.339$, $t = 3.496$, $p < 0.01$). However, it still requires a broader and deeper study. These findings provide valuable guidance for researchers and practitioners in identifying which mechanisms can enhance safety at work.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Keywords: Safety Behaviour, Safety Rules and Procedure, Safety Training and Management Commitment.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah telah yang memberikan saya kekuatan, ruang dan peluang untuk menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Puan Norizan Bt. Azizan selaku penyelia bagi tesis ini atas segala nasihat, dorongan dan bantuan untuk menyempurnakan tesis ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah MOSH UUM kampus Kuala Lumpur yang sentiasa prihatin, sedia memberi bimbingan, berkongsi pandangan dan tunjuk ajar semasa menganalisis data kajian untuk tesis ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada majikan, pengarah projek, pengurus projek dan semua rakan sekerja saya di tapak bina SICC Kota Kinabalu, Sabah yang banyak membantu saya untuk memberikan ruang, maklumat dan semangat untuk menyiapkan tesis ini. Saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Nuraihan Bt. Mohamad Hashim di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran beliau mengiringi saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak lupa, khas untuk kedua - dua orang anak kesayangan saya, Muhammad Qhalef Ikram dan Nur Qhayra Qhadeeja kerana merekalah yang menjadi sumber inspirasi kepada saya ketika menyiapkan tesis ini. Semoga tesis ini menjadi pendorong kepada mereka dalam usaha mencapai kejayaan di masa akan datang. Ucapan jutaan terima kasih dirakamkan kepada kedua-dua ibu-bapa saya dan ahli keluarga saya yang telah memberi galakan dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Akhir sekali, khas kepada semua rakan – rakan MOSH UUM Kampus Kuala Lumpur yang sentiasa menghulurkan bantuan dan motivasi serta berjuang bersama-sama saya untuk mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini.

Sekian.


Rushamizan Bin Rustam

21hb Disember 2017

Isi Kandungan

TAJUK.....	iv
PERAKUAN KERTAS KERJA PENYELIDIKAN	ii
KEBENARAN MERUJUK.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN.....	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN.....	xi
 BAB 1 PENGENALAN	 1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	2
1.2 PERNYATAAN MASALAH	6
1.3 SOALAN KAJIAN	10
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	11
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	11
1.6 SKOP KAJIAN	12
1.7 SUSUNAN KERTAS KAJIAN	13
 BAB 2 ULASAN KARYA.....	 15
2.1 TINGKAH LAKU SELAMAT.....	15
2.2 AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN	17
2.2.1 Komitmen Pengurusan.....	18
2.2.2 Latihan Keselamatan.....	20
2.2.3 Prosedur dan Peraturan Keselamatan.....	21
2.3 KAJIAN EMPIRIKEL	22
2.3.1 Tingkah Laku Keselamatan dan Komitmen Pengurusan.....	22
2.3.2 Tingkah Laku Keselamatan dan Latihan Keselamatan.....	24
2.3.3 Tingkah Laku Keselamatan dan Prosedur dan Peraturan Keselamatan.....	26
2.4 RUMUSAN	27
 BAB 3 METODOLOGI	 28
3.1 MODEL / KERANGKA PENYELIDIKAN.....	28
3.2 REKABENTUK KAJIAN	29
3.3 INSTRUMEN KAJIAN	30
3.4 KAEDAH PERSAMPELAN	31
3.5 KAJIAN RINTIS.....	31
3.6 PROSES PENGUTIPAN DATA	32
3.7 TEKNIK ANALISIS DATA.....	33
3.8 RUMUSAN	33
 BAB 4 HASIL KAJIAN.....	 35
4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN	35
4.1.1 Jantina	35
4.1.2 Status Perkahwinan.....	36
4.1.3 Pencapaian Akademik.....	37
4.1.4 Bangsa.....	38
4.1.5 Umur	39
4.1.6 Maklumat Pekerjaan	40
4.1.7 Pengalaman Kerja.....	40

4.2 UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT KAJIAN	41
4.3 ANALISIS DESKRIPTIF	41
4.4 ANALISIS KORELASI	43
4.5 ANALISIS REGRASI BERGANDA	44
4.6 RINGKASAN RUMUSAN PENGUJIAN HIPOTESIS	45
4.7 RUMUSAN	45
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	47
5.1 RINGKASAN KAJIAN	47
5.2 PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN	48
5.2.1 Tingkah Laku Selamat	48
5.2.2 Amalan Pengurusan Keselamatan	48
5.2.3 Hubungan antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Tingkah Laku Selamat ..	49
5.2.4 Latihan Keselamatan	50
5.2.5 Komitmen Pengurusan	50
5.2.6 Prosedur dan Peraturan Keselamatan	51
5.3 CADANGAN KEPADA ORGANISASI	52
5.4 IMPLIKASI KAJIAN	53
5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	54
5.5 LIMITASI KAJIAN	55
5.5.1 Faktor Masa	55
5.5.2 Penglibatan Responden	55
5.6 KESIMPULAN	56
RUJUKAN	57
LAMPIRAN 1 – BORANG KAJI SELIDIK	62
LAMPIRAN 2 – SURAT KEBENARAN MENGUMPUL DATA	67



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Statistik kemalangan mengikut sektor sehingga Oktober 2017	8
Jadual 3.1	Item - item dalam borang kaji selidik	30
Jadual 3.2	Cronbach's Alpha bagi nilai rintis	32
Jadual 4.1	Umur Responden	39
Jadual 4.2	Maklumat Pekerjaan	40
Jadual 4.3	Pengalaman Kerja	40
Jadual 4.4	Kebolehpercayaan	41
Jadual 4.5	Statistik Diskriptif	42
Jadual 4.6	Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan	43
Jadual 4.7	Hubungan antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Tingkah Laku Selamat	44
Jadual 4.8	Kesan Amalan Pengurusan Keselamatan ke atas Tingkah Laku Selamat	45
Jadual 4.9	Rumusan pengujian hipotesis	45

SENARAI RAJAH

JADUAL	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Jumlah Kes Kemalangan Industri 2011 - 2015 oleh PERKESO	6
Rajah 3.1	Rangka kerja konsep yang mengandungi 6 pembolehubah	29
Rajah 3.2	Rangka kerja konsep oleh penyelidik	31
Rajah 4.1	Jantina	36
Rajah 4.2	Status Perkahwinan	37
Rajah 4.3	Tahap Pendidikan Responden	38
Rajah 4.4	Taburan Bangsa Responden	39



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

BBS	BEHAVIOR BASED SAFETY
DOSH	DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
HSC	HIGHER SCHOOL CERTIFICATE
JKKP	JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
MCE	MALAYSIA CERTIFICATE EDUCATION
NIOSH	NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
OSH	OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
OSHA	OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT
PERKESO	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PHD	DOCTOR OF PHILOSOPHY
PPE	PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT
SMP	SAFETY MANAGEMENT PLAN
SPM	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
SPMV	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA VOKASIONAL
STPM	SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 1

Pengenalan

Keselamatan adalah perkara yang sering dititikberatkan oleh banyak organisasi. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku yang selama dalam kalangan pekerja dalam industri pembinaan. Hal ini adalah kerana keselamatan adalah penyumbang besar bagi sumber tidak langsung dalam sesebuah pembinaan. Sebagai contoh satu kemalangan utama tragedi gas Bhopal yang berlaku di India pada tahun 1984 adalah pembuka mata untuk seluruh dunia. Kecederaan di tempat kerja atau kecederaan pekerjaan juga lazimnya berlaku akibat daripada tingkah laku pekerja yang tidak selamat. Oleh itu, pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan menyediakan kerangka perundangan untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan dalam kalangan semua tenaga kerja dan melindungi orang lain daripada risiko keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti individu yang bekerja (Dessler, 2011).

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mengawal bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Ia adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja ketika bekerja serta melindungi pekerja atau orang lain dari bahaya keselamatan dan kesihatan yang timbul akibat aktiviti - aktiviti pembuatan, perlombongan dan kuari, pembinaan, hotel dan restoran, pertanian, perhutanan dan penangkapan ikan, pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun, utiliti - gas, elektrik, air dan perkhidmatan

kebersihan, kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta perdagangan borong dan runcit .

Sebagai agensi kerajaan, jabatan ini bertanggungjawab dalam pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan pekerjaan dan kesihatan negara dan mewujudkan budaya kerja yang selamat dan sihat yang menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan kerja. Manakala Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bertanggungjawab untuk menganjurkan latihan, perkhidmatan perundingan, peperiksaan dan sijil serta perkara-perkara keselamatan dan kesihatan yang lain.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Industri pembinaan telah lama dikritik kerana prestasi keselamatannya yang lemah. Sektor pembinaan adalah industri yang sangat bahaya yang merangkumi pelbagai aktiviti yang melibatkan pembinaan, pengubahan dan pembaikan. Industri pembinaan telah diklasifikasikan sebagai salah satu industri yang paling berbahaya di seluruh dunia. Dalam masa yang sama juga, pekerja pembinaan juga berisiko terdedah kepada plumbum dan bahaya penyedutan bahan-bahan lain.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja di Singapura menekankan bahawa industri pembinaan memberi sumbangan kepada 57% kemalangan daripada semua kecederaan maut pada separuh pertama 2014 (Goh & Askar Ali, 2015). Malaysia juga tidak terkecuali daripada kemalangan dalam industri pembinaan yang menyumbang

34% daripada semua kecederaan maut bagi tahun 2017 mengikut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia (DOSH) Malaysia. Kemalangan dan kecederaan ketika bekerja adalah isu global memandangkan bilangan kematian dan kecederaan yang dilaporkan di tempat kerja adalah berterusan.

Dalam mana-mana industri pembinaan terutamanya di Kota Kinabalu, isu keselamatan sangat penting. Tingkah laku keselamatan berkait rapat dengan kemajuan kerja, kualiti kerja dan disiplin. Tingkah laku keselamatan yang diamalkan oleh pekerja merupakan aset kepada industri pembinaan kerana ia berkaitan dengan kemajuan kerja. Dalam artikel (Zin & Ismail, 2012), tingkah laku keselamatan ialah kunci mengurangkan kecederaan di tempat kerja dan secara tidak langsung mempengaruhi hasil kerja (Johnson, 2003). Oleh itu, penyelidikan mengenai tingkah laku keselamatan adalah penting untuk dilaksanakan supaya kesedaran dalam aspek ini dapat ditingkatkan bagi mengurangkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku ditempat kerja.

Salah satu cara untuk meningkatkan keselamatan di tempat kerja adalah mengamalkan tingkah laku yang selamat di tempat kerja. Kemalangan di tempat kerja mungkin disebabkan oleh amalan tingkah laku yang tidak selamat di tempat kerja. Selain itu, terdapat juga faktor lain seperti ketidakpatuhan terhadap dasar keselamatan dan amalan pengurusan keselamatan yang tidak mantap.

Mengawal segala bahaya di kawasan tempat kerja dengan tujuan untuk mengurangkan kadar kecederaan adalah sangat sukar dalam industri seperti pembinaan di mana kerja dilakukan di bawah keadaan persekitaran fizikal yang

selalu berubah dan dengan tenaga kerja yang berubah-ubah. Bagi mendapatkan perubahan dalam persekitaran ini melibatkan peralihan budaya keselamatan yang meluas kerana cara sesuatu kerja itu dijalankan dibuat untuk memenuhi tuntutan pelanggan serta garis masa yang tertentu. Keadaan ini menjadi buruk oleh sikap dan tingkah laku pekerja terhadap aspek keselamatan (Choudhry, Fang, & Mohamed, 2007).

Sebagai tindak balas, banyak syarikat pembinaan mengamalkan tingkah laku keselamatan yang diprogramkan untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kepada pekerja tetapi masih gagal untuk memperbaiki kadar kemalangan. Dari perspektif mengenai penyiasatan kemalangan masa kini, perbuatan yang tidak selamat atau tingkah laku yang tidak selamat adalah penyebab utama kemalangan dalam pembinaan. Suraji, A. et al, 2001 telah mengenal pasti bahawa 88% daripada kemalangan dalam projek pembinaan melibatkan tingkah laku yang tidak selamat. Dari hasil pemerhatian tentang tingkah laku pekerja di tapak kerja, tingkahlaku yang tidak selamat sangat berleluasa.

Prestasi OSH yang buruk dalam industri pembinaan semakin meningkat dengan trend industri yang menonjol termasuk pengurangan kerja, berkerja diluar waktu pejabat, sistem pengendalian yang semakin kompleks, pengkhususan peralatan, dan penggunaan produk kimia yang kuat (Hislop, 1999). Pengecilan saiz industri yang meningkat menyebabkan tugas-tugas yang kurang diingini dan lebih berbahaya diketepikan (Hislop, 1999).

Pada masa yang sama, tekanan untuk kecekapan bekerja yang lebih tinggi telah mengakibatkan pekerja kontrak tertakluk kepada risiko kesihatan dan keselamatan yang lebih besar daripada mereka yang bekerja secara langsung. Berbanding dengan industri lain, pengambilan teknologi dan inovasi dalam industri pembinaan agak perlahan, sementara proses mengambil tindakan undang-undang yang menumpukan pada tuntutan kecederaan telah meningkat (Hislop, 1999). Untuk mengatasi peningkatan dalam kos pembayaran ganti rugi, (Hislop, 1999) mendakwa bahawa syarikat pembinaan memindahkan risiko dan bukannya mempromosikan budaya mengenal pasti sebarang bahaya dan kaedah menyelesaikannya.

Menurut (Hislop, 1999), keselamatan pembinaan bukan tanggungjawab kontraktor sahaja. Pandangannya berdasarkan kepada premis kerja bahawa amalan kerja yang tidak selamat mempunyai kos langsung dan tidak langsung untuk organisasi. Kos langsung termasuk yang dihasilkan dari kerosakan peralatan yang tidak disengajakan atau kecederaan peribadi seperti kehilangan masa pengeluaran, kos insurans, penalti bagi pelanggaran undang-undang keselamatan, kesihatan dan pekerjaan termasuk kos dalam proses tindakan undang-undang. Beliau juga menjelaskan kos tidak langsung yang akan memberi impak kewangan tidak langsung akibat daripada gangguan jadual, peningkatan insurans dan premium pampasan pekerja.


Faedah daripada pengenalanpastian dan pengawalan ancaman yang efektif dan kesan daripada promosi tentang keselamatan berlaku hasil daripada pendekatan pelbagai pihak (Hislop, 1999). Dengan nada yang sama, Jawatankuasa Tapak Pembinaan Eropah juga menekankan pentingnya membangunkan rangkaian komunikasi

sepanjang proses pembinaan dan mewujudkan tanggungjawab dalam kalangan pihak yang terlibat dalam fasa pembinaan (Bluff, 2003).

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Statistik kemalangan di tapak pembinaan memberi gambaran bahawa industri pembinaan Malaysia adalah salah satu sektor kritikal yang memerlukan penambahbaikan yang besar dan pantas dari segi amalan keselamatan semasa di tempat kerja.

Di Malaysia, sejak pengenalan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) pada tahun 1994, terdapat pengurangan kemalangan yang ketara dalam kemalangan industri di peringkat awal. Walau bagaimanapun kadar kemajuan atau perkembangan selama dua puluh tiga tahun yang lalu adalah sangat sederhana. Menurut Laporan Tahunan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO, 2017), sebanyak 35,088 kes kemalangan industri dilaporkan pada tahun 2011, dan selepas itu berkurangan kepada 34,258 kes pada 2015, Rajah 1.1 dibawah menunjukkan jumlah kes kemalangan industri dari tahun 2011 hingga 2015 oleh PERKESO.



Tren angka turun dan naik menunjukkan bahawa terdapat tahap kesedaran dan pelaksanaan prosedur yang mematuhi OSHA walaupun penguatkuasaan undang-undang yang agak komprehensif telah dijalankan. OSHA meletakkan tanggungjawab pada majikan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja; Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan setakat ini matlamat yang ingin dicapai itu masih terlalu jauh lagi. Oleh itu ianya perlu dipantau dan diuruskan dengan teliti oleh semua pihak yang berkaitan (Jaafar, Saharani, Wai Choong, Weng, Mohamed, 2017).

Banyak penyelidik telah membuktikan bahawa majoriti kemalangan di tempat kerja adalah disebabkan oleh kesalahan manusia atau pekerja (Zohar, 1980; Vredenburg, 2002; Fang et al., 2006; Liu et al., 2009). Ismail dan Omar (2003) menjalankan kajian mengenai "tahap pematuhan terhadap peraturan dan peraturan OSH oleh pekerja-pekerja di firma pembuatan dan pembinaan di Malaysia" dan mendapati bahawa terdapat tahap pematuhan yang rendah terhadap prosedur keselamatan semasa mengendalikan bahan berbahaya. Peraturan firma dengan kepatuhan yang rendah adalah dari 34.1% hingga 46.5%, yang menunjukkan bahawa ketidakpatuhan kepada peraturan OSH di kalangan pekerja syarikat perkilangan dan pembinaan, adalah tingkah laku yang dominan.

Menurut statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP, 2017) dalam Jadual 1, statistik kemalangan pekerjaan di industri pembinaan adalah tinggi. Sehingga Oktober 2017, 63 orang maut dalam sektor pembinaan dan 4 dilaporkan cedera dengan kecacatan kekal dan 110 kecederaan tanpa hilang upaya kekal. Walaupun industri pembinaan tidak mencatatkan kemalangan yang tinggi tetapi jika dibandingkan dengan industri perkilangan, rekod kematiannya adalah tertinggi. Ini

terdapat bahawa pekerja di tapak pembinaan terdedah dengan risiko maut yang lebih tinggi.

Jadual 1.1: Statistik kemalangan pekerjaan mengikut sektor sehingga Oktober 2017
Sumber : Laman Web Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sektor	Maut	Tanpa Hilang Upaya Tidak Kekal	Hilang Upaya Kekal
Pengilangan	46	1559	86
Pembinaan	63	110	4
Pertanian, Perhutanan, Pembalakan dan Perikanan	18	366	9
Perlombongan dan Kuari	7	30	1
Pengangkutan, peyimpanan dan Komunikasi.	9	58	0
Hotel dan Restoran	2	77	2
Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun	4	43	0

Perbincangan mengenai isu tingkah laku keselamatan bukan sesuatu yang baharu dan telah lama wujud. Walau bagaimanapun penyelesaiannya masih lagi belum dijumpai. Dalam menganalisis punca laporan kemalangan industri pada awal tahun 1930-an, Heinrich mendapati bahawa 88 peratus kemalangan tempat kerja disebabkan oleh tingkah laku tidak selamat (Goetsch, 2008). Secara amnya, kebanyakan sarjana mengkaji secara meluas bahawa majoriti kemalangan adalah disebabkan oleh kegagalan untuk menjalankan tingkah laku keselamatan di tempat kerja (Leung, Liang, & Olomolaiye, 2016).

Kebanyakan itu syarikat telah menyusun pelbagai langkah untuk mengurangkan kecederaan dan untuk mengelakkan kemalangan di tempat kerja. Walau

bagaimanapun, disebabkan sifat kelakuan manusia yang berubah-ubah, matlamat ini sangat mencabar (Sebab, Parker, & Lawton, 1998; Zohar, 2002). Adalah tidak sukar untuk pekerja mengambil jalan pintas dan melanggar peraturan keselamatan dan prosedur.

Untuk menyelesaikan masalah tingkah laku keselamatan dalam persekitaran kerja yang berbahaya adalah perkara yang lebih mencabar daripada industri lain ini kerana sifat industri pembinaan yang melibatkan ancaman bahaya yang banyak. Dekker (2002) melihat kesilapan manusia dan tingkah laku yang tidak selamat sebagai petanda kepada kemalangan dan juga sebagai punca secara langsung. Dia melihat kesilapan manusia sebagai gejala suatu yang lebih mendalam melibatkan personaliti individu serta sistem keselamatan yang diamalkan dalam organisasi.

Beliau percaya bahawa pekerja perlu mewujudkan amalan kerja selamat kerana sistem kerja tidak selalunya bersamaan dengan pelbagai matlamat yang mereka kerjakan secara serentak. Dekker (2002) juga berpendapat bahawa kesilapan manusia dikatikan secara sistematik kepada jenis atau ciri-ciri pekerja, alat, tugas dan persekitaran tempat kerja. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami lebih banyak tentang perkara ini dan kesannya terhadap tingkah laku keselamatan.

Amalan pengurusan keselamatan juga perlu ditangani. Ia memberikan impak bukan sahaja kepada isu-isu kemajuan kerja, kesedaran dan juga disiplin jika tiada langkah berjaga-jaga yang diambil, tingkah laku yang selamat akan menjadi masalah dalam penetapan kerja.

Satu kajian kuantitatif yang melibatkan amalan pengurusan keselamatan perlu dijalankan supaya data daripada responden dengan analisis yang betul dapat menawarkan penyelesaian kepada industri pembinaan.

Di samping itu, kajian ini akan menentukan persepsi pekerja sebenar mengenai amalan pengurusan keselamatan syarikat dan menentukan perkara yang boleh diperbaiki untuk mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan tingkah laku keselamatan keseluruhan pekerja.

1.3 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian adalah bertujuan untuk melihat korelasi amalan pengurusan keselamatan terhadap tingkah laku keselamatan di salah satu tapak binaan di Kota Kinabalu. Persoalan utama yang menjadi dasar kepada kajian ini adalah:

S1: Adakah pekerja – pekerja di tapak bina ini mempraktikkan tingkah laku selamat di tapak bina tersebut?

S2: Adakah amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan diamalkan di tapak bina tersebut?

S3: Adakah amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan mempengaruhi tingkahlaku selamat di tapak bina tersebut?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan di salah satu tapak bina di Kota Kinabalu. Kajian ini mempunyai objektif yang khusus iaitu:

OB1: Untuk menilai tahap tingkah laku selamat yang diamalkan di tapak bina tersebut.

OB2: Untuk mengkaji tahap amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan di tapak bina tersebut.

OB3: Untuk mengenalpasti hubungan di antara amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan di tapak bina tersebut.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Pentingnya laporan kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan pengurusan keselamatan terhadap tahap tingkah laku keselamatan yang di praktikkan di kalangan pekerja di tapak binaan mahupun di peringkat tinggi, sederhana atau rendah.

Selain itu, hasil laporan ini di harap dapat memberi pengetahuan tentang amalan pengurusan dan tingkah laku yang selamat dan perlu diterapkan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan seluruh pekerja didalam industri binaan.

Selain itu juga, dengan adanya hasil kajian ini dapat membantu industri binaan menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh industri binaan dalam pelaksanaan amalan pengurusan keselamatan di industri binaan.

Kajian ini akan membantu organisasi untuk mempertingkatkan pelaksanaan amalan pengurusan keselamatan dan seterusnya membantu mengurangkan kemalangan di tempat kerja.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini melibatkan pekerja – pekerja tapak bina yang bekerja di salah satu tapak bina di Kota Kinabalu. Pekerja di tapak tersebut akan menjadi responden dan dipilih secara rawak dalam proses untuk mendapatkan data bagi tujuan kajian ini.

Tumpuan kajian ini untuk melihat 3 elemen yang wujud di dalam amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan dan juga tingkah laku selamat oleh pekerja – pekerja di tapak tersebut.

Kajian ini juga akan memfokuskan kepada pekerja di sektor tapak bina kerana mengikut statistik tapak bina adalah tempat yang mencatatkan bilangan maut yang tertinggi di Malaysia. Mungkin kekurangan kajian semacam ini disebabkan oleh industri pembinaan kita sendiri, yang menggunakan dasar tertutup untuk pelbagai

sebab. Ia tidak mudah untuk mengakses dan menilai tapak pembinaan. Organisasi bergelut untuk mencari cara untuk mengurangkan kemalangan pekerjaan di atas nama ekonomi dan manusia.

Jadi kajian ini amat penting dalam mengetahui dan memahami peranan tiga elemen tersebut di dalam amalan pengurusan keselamatan terhadap tingkah laku selamat di tapak bina tersebut.

Kajian ini juga akan membantu organisasi untuk mempelajari lebih lanjut tentang faktor manusia dan bagaimana ia boleh membantu mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Ini sangat penting kerana meningkatkan tingkah laku keselamatan adalah cara untuk mencapai matlamat keselamatan organisasi.

Hasil dan penemuan kajian ini kemudiannya akan memberikan maklumat berharga yang berkaitan dengan amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan syarikat pembinaan ini dan ia dapat terus digunakan sebagai penanda aras untuk pembangunan dan tindakan program keselamatan masa depan supaya sesebuah syarikat itu boleh meningkatkan keberkesanan pekerja dengan mengurangkan sebarang insiden atau kemalangan serta implikasi perubatan.

1.7 SUSUNAN KERTAS KAJIAN

Kajian ini terbahagi kepada 5 bahagian. Bab pertama mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah yang akan dikaji, soalan kajian, objektif kajian, dan kepentingan kajian.

Seterusnya, di bab yang kedua, ulasan karya daripada kajian-kajian yang telah dilakukan pada masa lepas yang merangkumi amalan pengurusan keselamatan yang terdiri daripada empat elemen yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Kajian berkaitan tingkah laku keselamatan juga turut diterangkan di dalam bab ini.

Bab tiga membentangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini, termasuk kerangka konseptual kajian, hipotesis, rekabentuk kajian, definisi operasional, pembolehubah dan instrumentasi kajian, pengumpulan data, populasi dan sampel kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan teknik analisa data yang akan di ketengahkan dalam bab ini.

Bab empat membincangkan hasil dapatan kajian ini, hasil pengujian, analisis dan perbincangan hipotesis.

Akhirnya bab lima menghuraikan tentang ringkasan kajian, kesimpulan dan cadangan yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah pada masa hadapan.

BAB 2

ULASAN KARYA

Bab ini membicarakan mengenai tingkah laku keselamatan (misalnya pemahaman keselamatan dan pematuhan keselamatan), amalan pengurusan keselamatan (contohnya komitmen pengurusan, latihan keselamatan, penglibatan pekerja, komunikasi keselamatan dan maklum balas, peraturan keselamatan dan prosedur dan dasar promosi keselamatan).

2.1 TINGKAH LAKU SELAMAT

Tingkah laku ditakrifkan sebagai segala yang dilakukan oleh seseorang yang dapat dilihat dan diukur (Vijayakumar, 2007). Tingkah laku keselamatan ditakrifkan dari segi pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan (Neal & Griffin, 2006). Tingkah laku keselamatan menerangkan aktiviti utama yang perlu dibawa oleh pekerja mengikut keperluan pekerjaan, keselamatan dan kesihatan untuk mencegah kemalangan di tempat kerja (Mahmood, 2010).

Menurut Neal dan Griffin (1997), mereka telah mengkategorikan dua dimensi penting dalam tingkah laku keselamatan, iaitu pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan. Pematuhan keselamatan adalah aktiviti keselamatan utama yang perlu dilakukan oleh individu untuk menjaga dan meningkatkan keselamatan tempat kerja (Neal, Griffin, & Hart, 2000).

Tingkah laku keselamatan, yang juga dikenali sebagai Keselamatan berasaskan gelagat digunakan sebagai pendekatan untuk meningkatkan prestasi keselamatan di tempat kerja (Mohd Zakir Ibrahim, 2012). Konsep BBS adalah sains tingkah laku yang fokus kepada gelagat manusia, menganalisis gelagat dan menggunakan strategi intervensi yang disokong oleh penyelidikan untuk memperbaiki gelagat tersebut.

Pendekatan BBS adalah untuk memahami lebih mendalam pada diri individu dan memahami ciri keperibadian mereka, tahap kecekapan dan apa yang mendorong mereka untuk berkelakuan dengan selamat. Ia merupakan proses jangka panjang yang melibatkan usaha dan komitmen yang tinggi daripada majikan dan pekerja (Mohd Zakir Ibrahim, 2012).

Model Zohar (2000) dan Flin (2007) mengenalpasti punca yang memacu motivasi dalam diri seseorang melalui pemerhatian pada suasana tempat kerja dan juga tingkah laku pekerja. Motivasi bersifat peribadi ini berkaitan dengan jangkaan peribadi akibat tingkah laku tertentu, yang ditafsir sekali lagi berdasarkan persepsi terhadap keselamatan di persekitaran tempat kerja dan keutamaan keselamatan pada tahap yang berbeza dalam organisasi.

Tingkah laku keselamatan diukur dari segi pematuhan pekerja terhadap peraturan keselamatan organisasi serta penyertaan secara sukarela dalam program keselamatan dan inisiatif (Neal & Griffin, 2006). Pematuhan keselamatan secara langsung menyumbang kepada keselamatan kakitangan dan merupakan aktiviti utama yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keselamatan di tempat kerja. Pematuhan secara asasnya bukan hanya pada penggunaan peralatan perlindungan personel (PPE) tetapi

pematuhan terhadap peraturan dan peraturan yang telah ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh majikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 24 OSHA 1994. Penyertaan keselamatan menggambarkan tingkah laku yang tidak secara langsung menyumbang kepada keselamatan peribadi pekerja selanjutnya membantu mewujudkan persekitaran yang menyokong keselamatan di tempat kerja.

2.2 AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN

Unsur-unsur amalan pengurusan keselamatan mungkin berbeza-beza bergantung kepada kesukaran sesuatu operasi dalam organisasi dan ianya harus disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan objektif organisasi.

Vinodkumar dan Bhasi (2010) dalam kajian mereka yang terkini menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan enam amalan pengurusan keselamatan. Berdasarkan penemuan mereka, ia jelas menunjukkan bahawa prestasi keselamatan adalah hasil pelaksanaan amalan pengurusan keselamatan.

Menurut kajian mengenai pengaruh pengurusan keselamatan terhadap prestasi projek dalam industri pembinaan (Cheng, Ryan, & Kelly, 2012), menunjukkan bahawa kategori antara " maklumat " dan "jawatankuasa " mempunyai kaitan yang positif dan signifikan.

Salah satu kesimpulan utama dalam kajian Cheng, Ryan dan Kelly (2012) adalah bahawa industri pembinaan telah membayar kurang memberi perhatian kepada

jawatankuasa pengurusan keselamatan, yang dianalisis secara empirikal sebagai mempunyai kesan yang kuat terhadap prestasi projek.

Untuk meningkatkan prestasi projek, syarikat pembinaan harus memberi perhatian yang serius terhadap jawatankuasa pengurusan keselamatan. Penemuan menunjukkan bahawa pengurusan keselamatan mempunyai pengaruh positif terhadap prestasi keselamatan, prestasi daya saing, dan prestasi kewangan ekonomi.

Oleh itu, syarikat harus menyediakan bukti keserasian antara perlindungan pekerja dan daya saing korporat. Amalan pengurusan keselamatan utama (SMP) yang membawa kepada prestasi projek yang diinginkan belum dikenalpasti secara empirik. Sistem pengurusan keselamatan yang terdiri daripada elemen dasar, insentif, latihan, komunikasi, kawalan, dan perancangan didapati berkaitan dengan keselamatan, daya saing, dan prestasi kewangan ekonomi.

Ini seterusnya menyokong cadangan hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan di tapak bina.

2.2.1 Komitmen Pengurusan

Komitmen dan kepimpinan pengurusan adalah unsur yang paling penting dalam kejayaan program keselamatan di mana-mana organisasi. Tanpa komitmen, kepimpinan dan sokongan dari para pemimpin, sebarang perkara berkaitan pengurusan keselamatan tidak dapat dilaksanakan. Demonstrasi komitmen pengurusan adalah faktor utama dari setiap amalan pengurusan keselamatan.

Perhatian yang diberikan oleh pengurusan kepada program keselamatan harus diterjemahkan melalui ucapan, sikap dan tindakan mereka (Hofmann et al., 1995).

Pengurusan yang komited akan memberi keutamaan kepada isu keselamatan dan sebarang tindakan pembetulan, menghadiri mesyuarat keselamatan, menjalankan siasatan sekiranya berlaku kemalangan atau hampir kehilangan dan menyediakan peralatan perlindungan keselamatan yang mencukupi di tempat kerja. Mereka akan memastikan pekerja mereka bekerja di persekitaran tempat kerja yang selamat (Vredenburg, 2002).

Pekerja bersedia menyertai aktiviti demonstrasi keselamatan jika majikan prihatin terhadap keselamatan diri mereka (Langford et al., 2000). Kenyataan berkaitan polisi kesihatan sesuatu organisasi menggambarkan jangkaan dan keutamaan pihak pengurusan berkaitan keselamatan (Waring, 1996; Chan et al., 2004; et al., 2006). Mewujudkan dan menyampaikan objektif keselamatan yang jelas akan membawa kepada pencapaian keputusan yang diinginkan. Ia jelas menunjukkan bahawa inisiatif program keselamatan perlu didorong dari atas ke bawah dan penyertaan aktif majikan akan menyumbang kepada peningkatan prestasi aspek keselamatan dalam organisasi (Langford et al., 2000; Hon et al., 2014).

Kajian terdahulu telah mengenal pasti kepentingan komitmen pengurusan dalam mengurangkan kecederaan pekerja (Mashi, 2014). Komitmen pengurusan terhadap keselamatan merupakan faktor utama yang membawa kepada pencapaian program keselamatan organisasi (Zohar, 1980). Komitmen ini dapat dilihat melalui program latihan kerja, pertimbangan keselamatan dalam reka bentuk pekerjaan, dan penyertaan pengurusan dalam jawatankuasa keselamatan dan mengkaji semula kadar kerja.

2.2.2 Latihan Keselamatan

Latihan keselamatan yang berkesan dikenal pasti sebagai elemen utama dalam program pencegahan kemalangan yang berjaya. Kaedah umum yang bertindak balas kepada prestasi pekerja adalah latihan.

Aktiviti-aktiviti latihan berhasrat untuk membolehkan pekerja mempunyai sikap yang sesuai dan meningkatkan kesedaran dan akan meningkatkan tingkah laku pekerja terhadap keselamatan, kemahiran dan pengetahuan (Sari, 2009). Law et al., (2006) mentakrifkan latihan keselamatan sebagai pengetahuan yang perlu diberikan untuk pekerja bekerja dengan selamat tanpa bahaya kepada kesejahteraan mereka. Kemalangan boleh diramalkan jika pekerja diberikan latihan keselamatan secara sistematik dan komprehensif. Pekerja yang mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai keperluan keselamatan dapat mengenal pasti potensi bahaya dan tindakan pencegahan di tempat kerja mereka (Vredenburg, 2002).

Pekerja yang cekap boleh mengenal pasti potensi bahaya, mempengaruhi tindakan keselamatan peribadi dan meningkatkan prestasi keselamatan syarikat (Langford et al, 2000). Pekerja yang tidak terlatih dalam keselamatan biasanya tidak mengenal pasti potensi bahaya semasa menjalankan kerja mereka (Toole, 2002). Huang et al. (2006) mendapati hubungan antara latihan keselamatan dan prestasi keselamatan. Oleh itu, dasar yang jelas mengenai latihan keselamatan perlu diwujudkan kerana ia memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan prestasi keselamatan.

Latihan adalah salah satu amalan sumber manusia (HR) yang sering dibincangkan dalam kesusasteraan sebagai cara untuk meningkatkan keselamatan pekerja (Lauver,

2007; Hughes & Ferrett, 2007; DeJoy et al., 2000; Zohar, 2002). Latihan memberi impak kepada pekerja dengan meningkatkan kemahiran dan kebolehan mereka, serta dengan menyampaikan apa yang penting. Latihan adalah "komponen penting" kerana organisasi bergantung pada kemahiran dan inisiatif pekerja barisan hadapan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah dan memulakan perubahan dalam kaedah kerja (Pfeffer & Veiga, 1999). Pekerja dilatih mengenai sikap, tingkah laku dan kepercayaan terhadap Keselamatan secara berkasa (DeJoy et al., 2000; Harvey et al., 2001). Intervensi latihan di peringkat penyelia dan pekerja telah dikaitkan dengan kadar penurunan kecederaan Masa Hilang (LTI) dan kos kecederaan (Harshbarger & Rose, 1991), penurunan kadar kecederaan kecil, peningkatan penggunaan alat pelindung diri (PPE), peningkatan Kedudukan iklim keselamatan (Zohar, 2002).

2.2.3 Prosedur dan Peraturan Keselamatan

Peraturan dan prosedur keselamatan memainkan peranan penting dalam mengenal pasti tingkah laku yang boleh diterima dalam organisasi. Cox & Cheyne (2000) dan Mearns et al. (2003) mencadangkan terdapat korelasi positif antara peraturan dan prosedur keselamatan dengan kadar kemalangan. Walau bagaimanapun tujuan peraturan perlu dijelaskan dengan jelas kepada pekerja untuk mengelakkan persepsi negatif terhadap peraturan (Hon et al., 2014).

Pelaksanaan pengurusan keselamatan adalah salah satu pendekatan untuk memastikan peraturan keselamatan dipatuhi oleh pekerja (Chileshe & Dzisi, 2012). Pemeriksaan tetap di tempat kerja oleh pihak pengurusan mempunyai kesan yang lebih besar terhadap tingkah laku keselamatan pekerja (Dingsdag et al., 2008).

Keadaan yang tidak selamat dapat dikenal pasti dan dikeluarkan jika prosedur keselamatan dikembangkan dengan baik dan dikuatkuasakan oleh pihak pengurusan (Abdelhamid & Everett, 2000). Sikap positif pekerja terhadap keselamatan menyebabkan mereka tidak akan melanggar sebarang peraturan dan prosedur keselamatan dan mempunyai keutamaan yang tinggi terhadap keselamatan di tempat kerja (Fang et al., 2006).

2.3 KAJIAN EMPIRIKAL

Kajian yang dijalankan melibatkan Amalan Pengurusan Keselamatan dan Tingkah Laku Keselamatan oleh Sidek (2015) menunjukkan bahawa beberapa amalan pengurusan keselamatan mempunyai hubungan yang kuat dengan tingkah laku keselamatan. Komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan adalah amalan pengurusan keselamatan yang sangat berkaitan dengan pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan. Hasil ini memberi panduan berharga bagi para sarjana dan pengamal dalam mengenal pasti kaedah di mana mereka dapat meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

2.3.1 Tingkah Laku Keselamatan dan Komitmen Pengurusan

Muniz et al. (2012) mendapati bahawa komitmen pengurusan mempunyai kesan positif terhadap tingkah laku keselamatan (pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan) pekerja. Zhou et al. (2008) membuktikan bahawa keselamatan dipengaruhi oleh pengurusan "komitmen dan rakan sekerja" pengaruh, dan kurang

dipengaruhi oleh faktor pengalaman peribadi seperti pengalaman kerja dan pendidikan. Oleh itu, sikap campur tangan pekerja melalui komitmen dari pihak pengurusan akan dapat meningkatkan persepsi pekerja terhadap suasana dan bahaya keselamatan di tempat kerja dan akhirnya menghapuskan tingkah laku yang tidak selamat di kalangan pekerja.

Komitmen pengurusan terhadap keselamatan merupakan faktor asas yang membawa kepada pencapaian program keselamatan organisasi dan pematuhan pekerja (Zohar, 1980). Komitmen ini dapat dilihat melalui program latihan kerja, pertimbangan keselamatan dalam reka bentuk pekerjaan, dan penyertaan pengurusan dalam jawatankuasa keselamatan dan mengkaji semula kadar kerja.

Oleh itu, memotivasikan pekerja untuk melaksanakan tugas dengan selamat adalah tanggungjawab pihak pengurusan dan juga pekerja (Vredenburg, 2002).

Vinodkumar & Bhasi (2010) dan Lu & Yang (2010), dalam kajian mereka termasuk komitmen pengurusan terhadap keselamatan sebagai salah satu amalan pengurusan. Akibatnya, organisasi yang memberi komitmen dalam aspek keselamatan mungkin menunjukkan prestasi keselamatan yang tinggi dalam aspek penjagaan kesihatan pekerja (Mashi, 2014).

Akhir sekali, satu kajian oleh Ali, Abdullah & Subramaniam (2009) mengkaji hubungan enam amalan pengurusan iaitu ganjaran, latihan, komitmen pengurusan, komunikasi dan maklum balas, amalan pengambilan pekerja dan penyertaan pekerja dengan kadar kecederaan dalam persekitaran perindustrian Malaysia, dan hasil kajiannya sama seperti kajian daripada Vredenburg (2002).

Hasilnya menunjukkan bahawa ganjaran, komitmen pengurusan, maklum balas dan amalan pengambilan pekerja telah berjaya mengurangkan kadar kecederaan.

2.3.2 Tingkah Laku Keselamatan dan Latihan Keselamatan

Vinodkumar & Bhasi, (2010) telah menjalankan kajian mengenai "persepsi pekerja terhadap enam amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan diri, motivasi keselamatan, pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan dengan menjalankan kaji selidik menggunakan soal selidik di kalangan 1566 pekerja yang terdiri daripada lapan jenis kemalangan merbahaya utama unit pemprosesan di kawasan perindustrian di Kerala, sebuah negeri di bahagian selatan India.

Soal selidik 59 item telah dibangunkan dengan menggunakan skala 5-likert. Skala ini terdiri daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Lapan hipotesis telah dirumuskan daripada literatur amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pengetahuan keselamatan dan motivasi keselamatan didapati sebagai mediator utama dalam menjelaskan hubungan ini. Latihan keselamatan dikenal pasti sebagai amalan pengurusan keselamatan yang paling penting yang meramalkan pengetahuan keselamatan, motivasi keselamatan, pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan.

Kajian mengenai peningkatan tingkah laku keselamatan dalam projek pembinaan di Libya menunjukkan terdapat hubungan antara latihan keselamatan dan tingkah laku keselamatan. Kajian ini dijalankan pada setiap 10 pemilik, kontraktor dan perunding dalam projek pembinaan di Tripoli City (Foad Mohamed Al-Kilani, 2011).

Sedangkan kajian yang dilakukan oleh Lauver (2007) mengenai "amalan keselamatan sumber manusia dan kecederaan pekerja" juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara latihan keselamatan dan tingkah laku keselamatan.

Ia telah dijalankan pada sampel 48 pekerja dari Persatuan Perniagaan dan Industri dan Majlis Keselamatan di sebuah negara Midwest. Huang et al. (2006) juga menemui hubungan antara latihan keselamatan dan peningkatan tingkah laku keselamatan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh McDonald (2003) ke atas 18 tapak pembinaan di Ireland yang menyatakan bahawa latihan keselamatan dilakukan tanpa jadual sistematik yang bertujuan untuk "melindungi diri" dan melindungi syarikat jika terdapat sebarang masalah seterusnya meletakkan sedikit harapan agar ianya dapat mempengaruhi pengetahuan dan tingkah laku pekerja. Oleh itu, ianya sangat jelas bahawa majoriti pekerja perlu mendapat pengetahuan tentang risiko kerja mereka melalui pengalaman mereka sendiri.

Judith (1997) tidak menunjukkan bahawa orientasi keselamatan awal menghasilkan tingkah laku keselamatan yang lebih baik, yang mungkin menunjukkan bahawa latihan keselamatan harus menjadi proses yang sentiasa berjalan. Sebagai tambahan, beliau menyatakan bahawa firma yang menggalakkan pekerja menghadiri seminar, persidangan dan kursus pendidikan berterusan mempunyai tingkah laku keselamatan yang lebih baik.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mustazar Mansur dan Peng (2009) yang berkaitan dengan keberkesanan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam mengurangkan kemalangan di tempat kerja, menunjukkan adanya hubungan antara

latihan keselamatan dengan tingkah laku keselamatan. Kajian ini dijalankan ke atas pelatih di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Bangi.

Satu kajian yang dijalankan oleh Ng, Cheng dan Skitmore (2005) mengenai rangka untuk menilai tingkah laku keselamatan kontraktor pembinaan menunjukkan terdapat hubungan antara latihan keselamatan dengan tingkah laku keselamatan. Di mana ia memainkan peranan penting sebagai faktor keselamatan di peringkat organisasi.

2.3.3 Tingkah Laku Keselamatan dan Prosedur dan Peraturan Keselamatan

Vinodkumar & Bhasi (2010) menerangkan peraturan keselamatan dan prosedur yang ditubuhkan dan didokumenkan oleh sesebuah organisasi dan penguatkuasaan terhadap amalan pengurusan keselamatan meningkatkan tingkah laku keselamatan pekerja di tempat kerja. Peraturan keselamatan dan prosedur yang berkaitan seperti jabatan keselamatan yang mencukupi, pemeriksaan keselamatan yang kerap, penyelia yang menguatkuasakan peraturan keselamatan dan peraturan dan prosedur keselamatan dan kesihatan yang berkesan untuk mencegah terjadinya kemalangan. "Peraturan dan prosedur keselamatan yang tercatat dan penguatkuasaannya oleh penyelia dan pengurus dapat ditingkatkan tingkah laku keselamatan pekerja "(Vinodkumar & Bhasi, 2010). Begitu juga, kajian oleh Mearns et al. (2003) mendapati korelasi yang signifikan antara peraturan keselamatan dan prosedur dan kadar kemalangan.

Dalam kajian ini, tingkah laku keselamatan dinyatakan dalam bentuk pematuhan pekerja terhadap peraturan dan prosedur keselamatan organisasi serta penyertaan secara sukarela dalam program keselamatan dan inisiatif (Neal & Griffin, 2002). Pematuhan keselamatan secara langsung menyumbang kepada keselamatan

kakitangan dan mewakili aktiviti utama yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keselamatan tempat kerja. Pematuhan asas adalah keperluan untuk penggunaan peralatan perlindungan personil yang dikuatkuasakan oleh banyak organisasi dan juga diberi mandat oleh pihak berkuasa di bawah OSHA 1994. Penyertaan keselamatan menggambarkan perilaku yang tidak secara langsung menyumbang kepada keselamatan diri pekerja tetapi membantu mewujudkan persekitaran yang menyokong keselamatan di tempat kerja.

2.4 RUMUSAN

Di dalam konteks kajian ini, komitmen untuk mendapatkan amalan keselamatan seperti komitmen keselamatan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan akan membentuk tingkahlaku sama ada yang berbentuk positif ataupun negatif di kalangan pekerja – pekerja.

BAB 3

METODOLOGI

Bab ini akan menggambarkan rangka kerja konseptual, hipotesis, reka bentuk penyelidikan, instrumen dan pengukuran, prosedur persampelan, pengumpulan data, pensampelan data perintis dan teknik analisis.


3.1 MODEL / KERANGKA PENYELIDIKAN

Berdasarkan perbincangan dalam pernyataan masalah dalam bab pertama, penyelidik telah menumpukan pada dua pembolehubah, iaitu amalan pengurusan keselamatan (pembolehubah bebas) dan tingkah laku keselamatan (pembolehubah bersandar) dalam kalangan pekerja di satu tapak bina di Kota Kinabalu.

Dalam membangunkan model penyelidikan / rangka kerja kajian ini, model kajian oleh Vinodkumar dan Bhasi, (2010) digunakan sebagai asas untuk kajian ini. Vinodkumar dan Bhasi (2010) telah membangunkan satu rangka kerja konsep yang mengandungi enam pembolehubah.

Akan tetapi dalam kajian ini, penyelidik telah membangunkan satu rangka kerja konseptual yang hampir serupa dengan Vinodkumar dan Bhasi (2010) yang mempunyai dua pembolehubah, iaitu amalan pengurusan keselamatan sebagai pembolehubah bebas dan tingkah laku keselamatan sebagai pemboleh ubah bersandar. Cuma perbezaan dengan dengan kerangka sebelumnya adalah item dalam pembolehubah bebas yang di kaji telah dikurangkan menjadi tiga elemen daripada

enam elemen iaitu Komitmen Keselamatan, Latihan Keselamatan dan Prosedur dan Peraturan Keselamatan. Rajah 3.1 menunjukkan kerangka kajian penyelidikan:



Rajah 3.1 : Kerangka kajian antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan di salah satu tapak binaan di Kota Kinabalu. Oleh itu, amalan pengurusan keselamatan sebagai pembolehubah bebas digunakan untuk mengukur tingkah laku keselamatan sebagai pemboleh ubah bersandar pada tapak bina ini. Kajian ini akan dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data yang diperlukan. Soal selidik telah disesuaikan daripada kajian terdahulu mengenai topik yang sama berdasarkan kajian oleh Vinodkumar & Bhasi, (2010) mengenai amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku keselamatan. Pekerja dicadangkan untuk melengkapkan kaji selidik dalam suasana yang tenang di tapak kerja semasa waktu rehat. Jadual 3.1 adalah item – item dalam borang kaji selidik.

Jadual 3.1 : Item yang terdapat dalam borang kaji selidik

Bahagian	Pembolehubah	Jumlah Item dalam soal selidik
A	Demografi	7
B	Amalan Pengurusan Keselamatan	20
C	Tingkah Laku Keselamatan	12
Jumlah		39

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpulkan data. Soal selidik ini berbentuk dwi bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, dan persoalannya adalah pentadbiran sendiri. Penduduk dalam kajian ini merangkumi semua pekerja dan kontraktor secara langsung dan tidak langsung terlibat di dalam tapak binan ini. Bilangan tenaga kerja yang didaftarkan di di tapak pembinaan ini dianggarkan sekitar 197 orang pekerja.

Bahagian pertama soal selidik mengandungi ciri demografi responden. Ciri-ciri pekerja terdiri daripada jantina, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, bangsa, umur, maklumat pekerjaan dan tahun perkhidmatan dengan majikan. Oleh itu, bahagian kedua yang merupakan amalan pengurusan keselamatan, penyelidik telah menggunakan tiga instrumen yang berbeza mengikut dimensi yang berbeza dari komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan peraturan dan prosedur keselamatan.

Untuk pemboleh ubah yang bersandar merupakan tingkah laku keselamatan, penyelidik tidak menggunakan dua dimensi utama iaitu pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan tetapi menjadikan ia satu dimensi iaitu tingkah laku keselamatan. Penyelidik telah menyesuaikan instrumen dari Neal, Griffin, & Hart (2000). Semua item ini diukur menggunakan skala likert 5-mata, dikodkan pada skala 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

3.4 KAEDAH PERSAMPELAN

Populasi untuk kajian ini melibatkan pekerja di salah satu tapak binaan di Kota Kinabalu yang terdiri daripada 197 pekerja. Menurut jadual Krejcie dan Morgan (1970), bilangan minimum sampel yang diperlukan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah 127 orang. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pensampelan bertujuan. Ini bermakna bahawa 127 responden dikehendaki mewakili keseluruhan populasi kajian. Persampelan tujuan ialah sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji.

3.5 KAJIAN RINTIS

Suatu ujian rintis telah dilakukan oleh pengkaji sebelum kajian sebenar dijalankan. Ujian rintis ini melibatkan 30 orang responden yang digunakan merupakan pekerja di tapak berkenaan. Mereka 30 orang terawal ini tidak dimasukkan ke dalam kajian sebenar kajian ini. Data yang diperolehi daripada ujian rintis ini telah dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 23.0.

Tujuan ujian rintis ini dijalankan adalah untuk menganalisa kebolehpercayaan instrumen yang digunakan di dalam borang kaji selidik ini. Selain itu, tujuan ujian rintis ini dilakukan adalah untuk menilai dan melihat sama ada responden dapat memahami dengan jelas setiap soalan yang diberikan.

Kebolehpercayaan instrumen pula merujuk kepada kebolehan instrumen bagi mendapatkan pengukuran yang konsisten dan stabil. Kebolehpercayaan digambarkan berdasarkan nilai pekali kebolehpercayaan (alpha) antara 0.00 hingga 1.00. Semakin tinggi nilai pekali alpha, maka semakin bagus ujian tersebut. Menurut Zickmund (2010), nilai Cronbach's Alpha yang diterima adalah melebihi 0.60. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan kebolehpercayaan atau ujian rintis yang dijalankan untuk tiga elemen.

Jadual 3.2 : Nilai Cronbach's Alpha bagi ujian rintis yang dijalankan.

Pengukuran	Bilangan Soalan	Cronbach's Alpha
Komitmen Pengurusan	9	0.622
Latihan Keselamatan	6	0.869
Prosedur dan Peraturan Keselamatan	5	0.809

3.6 PROSES PENGUTIPAN DATA

Soal selidik kaji selidik telah disediakan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk memberikan fleksibiliti untuk responden untuk memberi respon dalam mana-mana bahasa yang mereka selesa. Sebelum mengedarkan kaji selidik,

penyelidik menjelaskan mengenai butiran prosedur soal selidik ini. Had masa pengumpulan akan diberikan sepuluh hari. Walau bagaimanapun respon yang lewat dihantar masih diterima. Mereka yang telah dilantik diminta untuk menghubungi penyelidik sebaik sahaja mereka mengumpul beberapa soal selidik. Soal selidik diedarkan kepada tiga penyelia keselamatan tapak dari tiga sub kontraktor yang terdiri daripada subkontraktor dari Civil and Structural (C & S), Architectural, Mechanical and Electrical (M & E).

3.7 TEKNIK ANALISIS DATA

Pada bahagian ini, penyelidik menggunakan versi komputer statistik Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) 23.0 untuk melaksanakan analisis statistik. Ia membantu banyak menganalisis data.

Terdapat 5 jenis analisis yang dilakukan iaitu analisis kebolehpercayaan, analisis deskriptif, analisis deskriptif pembolehubah utama, korelasi dan juga analisis regresi.

3.8 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan tentang metodologi kajian yang telah digunapakai oleh pengkaji di sepanjang kajian dijalankan yang mana ia meliputi reka bentuk kajian, instrumensi dan pembolehubah kajian, populasi dan sampel kajian, kajian rintis, dan analisis data. Susunan metodologi yang sistematik akan menjamin kelancaran dan kejayaan sesuatu penyelidikan yang dijalankan.

Kajian ini berdasarkan kepada 127 sampel soal selidik yang dikumpulkan dari

responden yang mengesahkan persepsi pekerja mengenai amalan pengurusan keselamatan dan kesannya terhadap tingkah laku keselamatan di salah satu tapak bina di Kota Kinabalu. Lanjutan daripada itu, bab seterusnya akan membincangkan berkaitan hasil dapatan kajian ini iaitu melibatkan analisis terhadap hipotesis dan data deskriptif.

BAB 4

HASIL KAJIAN

Bab 4 ini mengemukakan hasil kajian yang diperoleh daripada data mentah. Kesemua data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Kesemua data - data ini akan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Daripada 130 borang soal selidik yang telah diedarkan, semua borang berjaya dikembalikan tetapi hanya 127 borang soal selidik yang akan dikaji berdasarkan kepada jadual menentukan sample dari Krejcie dan Morgan (Krejcie & Morgan, 1970). Oleh demikian, analisis yang dijalankan adalah hanya menggunakan 127 borang soal selidik sahaja.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Dalam kajian ini, maklumat demografi responden yang diambil terdiri daripada jantina, taraf perkahwinan, tahap pendidikan tertinggi, bangsa, umur, maklumat pekerjaan dan tahun pekerjaan dengan majikan semasa.

4.1.1 Jantina

Terdapat seramai 127 responden, pekerja lelaki yang mengambil bahagian adalah seramai 78 orang manakala wanita adalah seramai 49 orang, dengan kata lain majoriti 61.4 peratus adalah responden lelaki dan hanya wanita 38.6 peratus.


Ini menunjukkan lelaki mendominasi pekerjaan di syarikat pembinaan ini. Perkara ini berlaku kerana kerja – kerja di tapak majoriti kerja lebih menggunakan tenaga fizikal. Sila rujuk rajah 4.1 di bawah:



Rajah 4.1 Maklumat jantina responden

4.1.2 Status Perkahwinan


Dapatan kajian mengenai status perkahwinan responden mendapati sebanyak 46.5 peratus adalah bujang dan begitu juga bagi pekerja yang telah berkahwin juga seramai 46.5 peratus dan 7.1 peratus adalah mereka yang telah bercerai.



Rajah 4.2 Responden kajian bagi status perkahwinan

4.1.3 Tahap Pendidikan


Rajah 4.3 memaparkan bilangan responden berdasarkan tahap pendidikan. Hasil kajian menunjukkan majoriti pekerja yang menjadi responden atau bekerja di tapak ini adalah mereka yang mempunyai kelulusan pendidikan Sarjana Muda atau Sarjana atau PHD iaitu sebanyak 40.9 peratus ataupun seramai 52 orang. Manakala kedua ialah mereka yang mempunyai HSC/STPM atau Diploma sebanyak 32.3 peratus ataupun seramai 41 orang dan ketiga mereka yang mempunyai kelulusan MCE/SPM/SPMV sebanyak 22 peratus iaitu mewakili seramai 28 orang pekerja. Terakhir adalah mereka yang mempunyai kelulusan sekolah rendah 1.6 peratus bersamaan dengan 2 orang dan lain – lain juga sebanyak 1.6 peratus iaitu seramai 2 orang.



Rajah 4.3 Tahap pendidikan responden

4.1.4 Bangsa

Rajah 4.4 menunjukkan bilangan responden berdasarkan kumpulan bangsa. Jika dilihat bangsa Melayu ada majoriti yang bekerja di dalam tapak iaitu seramai 49 orang dan merangkumi sebanyak 38.6 peratus. Ini diikuti oleh bangsa Kadazan / Dusun / Murut iaitu seramai 33 orang atau 26 peratus. Bangsa lain – lain yang merujuk kepada bangsa Suluk, Kedayan, Bisaya, Iban dan beberapa kaum minoriti di Sabah adalah yang ketiga seramai 19 orang mewakili sebanyak 15 peratus. Keempat adalah Cina seramai 13 orang atau 10.2 peratus kemudian Bajau seramai 10 orang mewakili 7.9 peratus dan terakhir sekali pekerja yang berbangsa India iaitu seramai 3 orang atau 2.4 peratus.



Rajah 4.4 Taburan bangsa responden

4.1.5 Umur

Jadual 4.1 menunjukkan umur responden yang bekerja di tapak tersebut. Berumur 26 hingga 35 tahun adalah yang teramai bekerja di tapak tersebut mewakili 69 peratis manakala yang paling sedikit bekerja di tapak tersebut adalah mereka yang berumur 55 tahun ke atas iaitu seramai 2.4 peratus ataupun 3 orang.

Jadual 4.1 Umur responden

UMUR	BILANGAN ORANG	PERATUS %
17 - 25	30	23.60%
26 - 35	69	54.30%
36 - 45	20	15.90%
46 - 55	6	4.80%
55 dan ke atas	3	2.40%

4.1.6 Maklumat Pekerjaan

Jadual 4.2 ini memaparkan maklumat pekerjaan mengikut kategori. Pertama adalah pekerja mahir sebanyak 34.6 peratus di dalam kaji selidik ini. Kedua ialah pekerja di peringkat pengurusan iaitu sebanyak 33.9 peratus dan kemudian diikuti oleh pekerja separuh mahir 18.9 peratus, lain – lain 7.9 peratus dan terakhir pekerja tidak mahir mewakili sebanyak 4.7 peratus.

Jadual 4.2 Maklumat pekerjaan

Pekerjaan	Peratusan dan Bilangan
Pekerja Mahir	34.6% (44 Orang)
Pekerja Separuh Mahir	18.9% (24 Orang)
Pekerja Tidak Mahir	4.7% (6 Orang)
Pengurusan	33.9% (43 Orang)
Lain - Lain	7.9% (10 Orang)

4.1.7 Pengalaman Kerja

Jadual 4.3 menunjukkan pengalaman kerja responden yang mengambil bahagian dalam kaji selidik ini. Seramai 115 orang berkhidmat di antara 1 hingga 10 tahun dalam industry pembinaan manakala kedua ialah 10 orang 11 hingga 20 tahun dan terakhir cuma 2 orang atau 1.6 peratus yang bekerja diantara 21 hingga 30 tahun.

Jadual 4.3 Pengalaman Kerja

PENGALAMAN TAHUN PERKHIDMATAN	BILANGAN ORANG	PERATUS %
1 - 10	115	90.40%
11 - 20	10	8.00%
21 - 30	2	1.60%

4.2 UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT KAJIAN

Kebolehpercayaan alat kajian ini diukur melalui “Coefficient of Cronbach Alpha”. Dalam instrument ini, nilai “Cronbach Alpha” seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.4.

Jadual 4.4 Kebolehpercayaan

Item	Dimensi	Cronbach's Alpha (untuk 127 responden)
Amalan Pengurusan Keselamatan	Komitmen Pengurusan	0.70
	Latihan Keselamatan	0.80
	Prosedur dan Peraturan Keselamatan	0.60
Tingkah laku Keselamatan	Pematuhan Keselamatan	0.74
	Penyertaan Keselamatan	0.77

Jadual 4.4 ini menunjukkan bahawa nilai “Cronbach Alpha” bagi setiap pembolehubah adalah dalam lingkungan 0.60 hingga 0.80. Ini menunjukkan nilai “Cronbach Alpha” tersebut boleh diterima pakai kerana ia melebihi atau sama dengan 0.60.

4.3 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif digunakan untuk menilai tahap pandangan responden terhadap item ataupun pembolehubah yang dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji purata skor bagi jawapan responden terhadap tahap tingkahlaku mereka di tapak binaan itu. Healey (2005) menyatakan bahawa purata skor jawapan ataupun nilai titik tengah bagi pembolehubah akan menentukan tahap pandangan responden kepada tinggi, sederhana dan rendah. Kategori skor min adalah seperti berikut:

Rendah = 1.00 – 2.25

Sederhana = 2.26 – 3.75

Tinggi = 3.76 – 5.00

Untuk kajian ini, pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan pertama dan kedua iaitu untuk mengukur tahap tingkahlaku keselamatan dan amalan pengurusan keselamatan pekerja di satu tapak pembinaan di Kota Kinabalu, Sabah. Skala likert 1 hingga 5 telah digunakan untuk mengukur iaitu skala 1 (sangat tidak setuju), skala 2 (tidak setuju), skala 3 (berkecuali), skala 4 (setuju) dan skala 5 (sangat setuju). Jadual di bawah merupakan hasil daripada analisis berikut:

Jadual 4.5 Statistik deskriptif

	Minimum	Maksimum	Min Statistik	Sisihan Piawai Statistik
Komitmen Pengurusan	2.33	5.00	3.85	0.59
Latihan Keselamatan	1.50	5.00	3.93	0.75
Prosedur dan Peraturan Keselamatan	1.80	5.00	3.54	0.72
Tingkah laku Selamat	1.86	5.00	4.08	0.58

Jadual 4.5 menunjukkan nilai min yang tertinggi bagi pembolehubah tersebut adalah tingkah laku selamat ($ms = 4.08$, $sp = 0.58$). Keputusan tersebut menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan kebanyakan pernyataan yang menerangkan tentang tingkah laku selamat kepada semua pekerja di tapak tersebut. Kemudian iainya diikuti latihan keselamatan ($ms = 3.93$, $sp = 0.75$), komitmen pengurusan pula di tempat ketiga ($min = 3.85$, $sp = 0.59$) dan terakhir adalah prosedur dan peraturan ($ms = 3.54$, $sp = 0.72$).

4.4 ANALISIS KORELASI

Analisis korelasi adalah analisis di antara dua atau lebih pemboleh ubah (Cooper dan Schindler, 2003). Analisis korelasi dipilih kerana ianya sesuai untuk mengenal pasti jenis keserasian, menjelaskan hubungan yang kompleks antara faktor-faktor yang dapat menjelaskan hasil dan meramal hasil daripada faktor peramal (Creswell, 2002). Korelasi Pearson ini digunakan untuk mengukur perkaitan linear antara dua pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar untuk menunjukkan signifikan, arah (positif atau negatif) dan kekuatan setiap hubungan yang wujud. Kekuatan perkaitan di antara pemboleh ubah yang dibangunkan Davis (1971) berdasarkan Jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6 Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan

	Nilai Korelasi	Kekuatan Hubungan
1	± 0.70 ke atas	Sangat Kuat
2	± 0.50 hingga ± 0.69	Kuat
3	± 0.30 hingga ± 0.49	Sederhana Kuat
4	± 0.1 hingga ± 0.29	Lemah
5	± 0.01 hingga ± 0.09	Sangat Lemah

Hasil ujian mendapati wujud hubungan yang signifikan di antara amalan pengurusan keselamatan dengan tingkah laku selamat. Dalam jadual di bawah (jadual 4.6), latihan keselamatan mempunyai perhubungan signifikan yang tertinggi dengan tingkah laku selamat iaitu latihan keselamatan ($r=0.515$, $p<0.01$), kemudian diikuti dengan komitmen pengurusan ($r=0.435$, $p<0.01$) dan terakhir ialah prosedur dan peraturan keselamatan iaitu ($r=0.239$, $p<0.01$). Dalam pada ini, nilai korelasi yang positif juga menunjukkan wujud perhubungan yang positif antara pembolehubah.

Jadual 4.7 Hubungan antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Tingkah Laku Selamat

	Komitmen Pengurusan	Latihan Keselamatan	Prosedur dan Peraturan Keselamatan	Tingkah laku Selamat
Komitmen Pengurusan	1			
Latihan Keselamatan	.774**	1		
Prosedur dan Peraturan Keselamatan	.361**	.419**	1	
Tingkah laku Selamat	.435**	.515**	.239**	1

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 level (2-tailed)

4.5 ANALISIS REGRESI BERGANDA / PENGUJIAN HIPOTESIS

Analisis regresi berganda telah dijalankan untuk memahami hubungan di antara dimensi amalan pengurusan keselamatan dan tingkah laku selamat. Analisis regresi berganda menerangkan sejauh mana kriteria varians pemboleh ubah bersandar dikaitkan dengan peramal (pemboleh ubah bebas) ubah (Zikmund et al., 2010). Hasil ujian regresi bagi kajian ini diterangkan pada jadual 4.7 di bawah.

Keputusan analisis menunjukkan daripada tiga yang dikaji dalam kajian ini, hanya latihan keselamatan sahaja yang signifikan terhadap tingkah laku keselamatan ($B = 0.339$, $t = 3.496$, $p < 0.01$).

Jadual 4.8 Kesan Amalan Pengurusan Keselamatan ke atas Tingkah Laku Selamat

Model	Unstadardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	2.355	.318		7.409	.000
Komitmen Pengurusan	.085	.119	.087	.718	.474
Latihan Keselamatan	.339	.097	.438	3.496	.001
Prosedur dan Peraturan Keselamatan	.019	.069	.024	.281	.779

Nota : DV = Tingkah Laku Selamat (Pematuhan Keselamatan dan Penyertaan Keselamatan)

4.6 RINGKASAN RUMUSAN PENGUJIAN HIPOTESIS

Jadual 4.9 dibawah menunjukkan rumusan pengujian hipotesis.

Bil.	Hipotesis	Keputusan
H1	Terdapat hubungan signifikan positif di antara komitmen pengurusan dan tingkah laku selamat.	DITOLAK
H2	Terdapat hubungan signifikan positif di antara latihan keselamatan dan tingkah laku selamat.	DITERIMA
H3	Terdapat hubungan signifikan positif di antara prosedur dan peraturan keselamatan dan tingkah laku selamat.	DITOLAK

4.7 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan berkaitan dengan persoalan yang telah ditimbulkan pada permulaan kajian dan hasil analisis data, ia mendapati daripada tiga item yang telah dikaji, ketiga - tiga item pembolehubah bebas bertindak secara signifikan positif dengan tingkahlaku pekerja di salah satu tapak binaan di Kota Kinabalu. Akan tetapi, setelah ujian lanjut dijalankan iaitu ujian regrasi berganda, ia mendapati hanya satu item sahaja yang bertindak secara signifikan terhadap tingkahlaku keselamatan iaitu

latihan keselamatan yang diamalkan di tapak tersebut. Perbincangan lebih lanjut akan dibincangkan pada bab yang seterusnya.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Bab ini akan membincangkan tentang ringkasan kajian yang telah dijalankan dan juga perbincangan mengenai hasil kajian. Seterusnya, beberapa cadangan bagi penambahbaikan di ketengahkan kepada pihak pengurusan tapak binaan tersebut berkaitan amalan pengurusan keselamatan dan tingkahlaku keselamatan. Akhir sekali, limitasi kajian dan kesimpulan kajian akan mengakhiri bab ini.

5.1 RINGKASAN KAJIAN

Kajian ini mengkaji hubungan antara amalan pengurusan keselamatan terhadap tingkahlaku pekerja di salah satu tapak binaan di Kota Kinabalu, Sabah. Penilaian terhadap amalan pengurusan keselamatan mempunyai beberapa elemen tetapi dalam kajian ini hanya tiga dimensi diambil kira iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan. Kajian ini dibuat bagi menilai perhubungan di antara amalan pengurusan keselamatan dan juga tingkah laku keselamatan di tapak bina tersebut. Ini kerana, kelemahan amalan pengurusan keselamatan akan memberikan kesan bukan hanya kepada pihak pengurusan, malah ianya juga akan mempengaruhi tingkah laku pekerja yang bekerja di tapak tersebut.

Analisis regrasi menunjukkan hanya latihan keselamatan sahaja yang signifikan terhadap tingkah laku keselamatan ($B = 0.339$, $t = 3.49$, $p < 0.01$). Sehubungan dengan keputusan ini, terdapat hubungan signifikan positif antara latihan keselamatan dengan tingkah laku keselamatan. Akan tetapi bagi ujian korelasi ketiga – tiga dimensi

tersebut mempunyai kekuatan hubungan diantara komitmen pengurusan, latihan keselamatan dan prosedur dan peraturan keselamatan dengan tingkah laku keselamatan.

5.2 PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan hasil kajian yang telah diperoleh dari bab empat.

5.2.1 Tingkah Laku Selamat

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan di peringkat awal kajian ini iaitu menilai tahap tingkah laku selamat pekerja di sebuah tapak binaan di Kota Kinabalu, pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif iaitu dengan mendapatkan nilai min. Hasil analisis min mendapati tahap tingkah laku selamat (min = 4.08). Oleh yang demikian, ini menunjukkan tahap tingkahlaku keselamatan pekerja di tapak tersebut adalah d tahap yang baik dan positif. Ia juga telah berjaya mencapai objektif kajian yang pertama iaitu untuk menilai tahap tingkah laku pekerja di tapak ini. Ini kerana hasil analisis menunjukkan pekerja di tapak bina ini mengamalkan tingkah laku selamat di tapak bina tersebut.

5.2.2 Amalan Pengurusan Keselamatan

Bagi persoalan kedua untuk kajian ini iaitu adakah pekerja mengamalkan amalan pengurusan keselamatan di tapak ini. Hasil analisis data yang telah dikumpulkan mendapati nilai min bagi setiap item di dalam amalan pengurusan keselamatan adalah komitmen pengurusan (min = 3.85), latihan keselamatan (min = 3.93) dan prosedur

dan peraturan keselamatan (min = 3.54). Nilai yang tinggi dan positif terhadap pernyataan di dalam borang soal selidik ini menunjukkan wujudnya amalan pengurusan keselamatan di tapak ini kecuali prosedur dan peraturan keselamatan pada tahap yang sederhana.

5.2.3 Hubungan antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Tingkah laku Selamat

Objektif dan persoalan ketiga kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti hubungan yang wujud di antara amalan pengurusan keselamatan dan juga tingkahlaku keselamatan dalam kalangan pekerja di tapak binaan tersebut. Kajian berkaitan hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan tingkahlaku keselamatan telah diuji dengan menggunakan analisis korelasi *Pearson*.

Hasil analisis mendapati bahawa kesemua dimensi amalan pengurusan keselamatan mempunyai hubungan yang signifikan dan positif ke atas tingkahlaku selamat di tapak binaan ini. Akan tetapi, item yang mempunyai nilai perhubungan yang paling tinggi iaitu latihan keselamatan ($r=0.515$, $p<0.01$), kemudian diikuti dengan komitmen pengurusan ($r=0.435$, $p<0.01$) manakala yang terakhir ialah prosedur dan peraturan keselamatan menunjukkan nilai perhubungan yang rendah iaitu ($r=0.239$, $p<0.01$). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan dari segi pelaksanaan prosedur dan peraturan mungkin perlu dibuat penambah baikkan ataupun di perbaiki.

Dapatan kajian ini menyokong keputusan kajian yang telah dibuat oleh Khamis (2013) terhadap pekerja-pekerja di Felda turut mendapati amalan pengurusan keselamatan seseorang pekerja akan mempengaruhi secara positif terhadap

tingkahlaku mereka di tempat kerja.

5.2.4 Latihan Keselamatan

Latihan keselamatan dilihat menjadi faktor tertinggi yang mempengaruhi tingkahlaku keselamatan pekerja di tapak bina tersebut. Pekerja sangat mempercayai penyediaan latihan keselamatan yang berterusan oleh pihak majikan kepada pekerja akan dapat mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Ini juga akan melahirkan perasaan dihargai oleh para pekerja terhadap majikan mereka. Kekurangan latihan keselamatan akibat majikan terlalu mengejar kemajuan kerja di tapak juga tidak berapa disenangi oleh pihak pekerja dalam masa yang sama dan mahukan latihan keselamatan sentiasa diberikan kepada pekerja untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang keselamatan. Pengetahuan dalam bidang keselamatan akan menjadikan keselamatan sebagai budaya kerja yang wajib diterapkan dan akan mempengaruhi tingkahlaku keselamatan khususnya di tapak bina.

Hasil dapatan ini telah menyokong kenyataan oleh Saidin dan Abdul Hakim (2007) yang menyatakan bahawa perlaksanaan latihan keselamatan yang berkesan akan memberikan impak terhadap tingkahlaku selamat seseorang pekerja.

5.2.5 Komitmen Pengurusan

Hasil dapatan ini menunjukkan pekerja-pekerja di tapak bina tersebut merasakan komitmen pengurusan adalah perkara yang perlu ada bagi memastikan tingkahlaku keselamatan mereka turut menyokong ke arah kebaikan dan dalam masa sama dapat mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja. Sebagai contohnya, sekiranya pihak

pengurusan memberikan komitmen mereka terhadap isu keselamatan seperti menyediakan keperluan keselamatan dan sokongan di tempat kerja, para pekerja akan merasakan mereka dihargai dan diperlukan dan akhirnya tingkahlaku dan perlakuan mereka akan turut menyokong ke positif. Kenyataan juga ini di sokong dengan kenyataan Hasil dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Vinodkumar dan Bhasi (2010) yang mendapati bahawa komitmen daripada pihak pengurusan berkaitan isu keselamatan akan mempengaruhi tingkahlaku seseorang pekerja dan ini akan melindungi mereka daripada berlaku kemalangan.

Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkesan bukan sahaja mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja bahkan memberikan pulangan yang baik kepada syarikat dan meningkatkan produktiviti.

5.2.6 Prosedur dan Peraturan Keselamatan

Walaupun item ini dipilih sebagai item yang ketiga atau yang terakhir yang akan mempengaruhi tingkahlaku seseorang pekerja di tapak bina ini. Dapatan ini menggambarkan dalam masa yang sama tentang kepentingan prosedur dan peraturan keselamatan di sesebuah tapak bina kerana ianya akan mempengaruhi tingkahlaku seseorang individu.

Keputusan ini turut menyokong hasil kajian yang telah dibuat Cox dan Cheyne (2000) serta Mearns et al. (2003) di dalam kajian mereka. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara peraturan dan prosedur keselamatan dengan kadar kemalangan yang berlaku di tempat kerja.

5.3 CADANGAN KEPADA ORGANISASI

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji mendapati terdapat perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak majikan di salah sebuah tapak bina di Kota Kinabalu.

Antaranya adalah penekanan kepada aspek prosedur dan peraturan keselamatan di tapak bina tersebut. Pihak pengurusan di tapak bina tersebut perlu lebih tegas dalam menangani isu berkaitan keselamatan di tapak bina tersebut.

Prosedur dan peraturan di tapak bina amat penting kerana ianya kini banyak kawasan pembinaan sedang rancak berjalan melibatkan pembangunan infrastruktur awam dan swasta. Saban hari tragedi yang berlaku di tapak-tapak pembinaan akan menjadi berita utama di dada akhbar yang mendatangkan rasa gerun bagi orang awam.

Adalah disarankan supaya penekanan bukan sahaja diberikan kepada semua projek pembangunan supaya sentiasa mematuhi dan mengamalkan kod amalan baik berhubung kesihatan dan keselamatan di tapak pembinaan malah pemantauan perlu dilaksanakan serta dikuatkuasakan di semua tapak projek tersebut. Hal ini kerana ia membabitkan keselamatan pekerja dan orang awam yang boleh mengakibatkan kecederaan tubuh badan dan kehilangan nyawa.

Penguatkuasaan prosedur dan peraturan di tapak bina sedia ada bagi mengekang tragedi daripada berlaku di tapak pembinaan perlu dijalankan dengan tegas supaya mereka yang terlibat akan lebih berakuntabiliti terhadap tanggungjawab mereka menjaga keselamatan pekerja khususnya dan orang awam.

5.4 IMPLIKASI KAJIAN

Amalan pengurusan keselamatan yang baik adalah penting untuk disampaikan. Ia memberi kesan bukan sahaja kepada isu produktiviti, kesedaran dan juga disiplin jika tiada langkah berjaga-jaga yang diambil, tingkah laku keselamatan akan menjadi masalah dalam tetapan kerja. Oleh itu, pengurus projek mestilah terus menggalakkan pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan di kalangan pekerja.

Kajian ini akan dapat menentukan persepsi pekerja terhadap amalan pengurusan keselamatan dan untuk menentukan perkara-perkara yang boleh diperbaiki dan dapat mengurangkan kadar kemalangan seterusnya dapat meningkatkan tingkah laku keselamatan keatas semua pekerja. Kajian ini mencadangkan beberapa cadangan berdasarkan penemuan yang menekankan betapa pentingnya amalan pengurusan keselamatan dalam menggalakkan tingkah laku keselamatan.

Pengurus projek harus memastikan jenis latihan keselamatan yang berlainan seperti pemahaman tentang keperluan undang-undang Malaysia mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, pelaporan kemalangan dan prosedur penyiasatan dan tindak balas kecemasan supaya dapat dilaksanakan dengan baik untuk menggalakkan tingkah laku keselamatan di kalangan pekerja. Pengurus juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada para pekerja mengenai pemeriksaan keselamatan, statistik kecederaan dan penyakit. Selain itu, input dan maklum balas pekerja juga perlu diambil kira kerana mereka lebih banyak mengetahui tentang masalah keselamatan ditempat kerja dan penyelesaian daripada pihak pengurusan. Ini akan membantu dalam meningkatkan latihan keselamatan pada masa akan datang.

Perkongsian budaya kerja selamat dan meletakkan kepercayaan pada tahap yang tinggi dengan melibatkan semua pekerja merupakan pendekatan yang positif. Peluang yang diberikan oleh pihak pengurusan kepada pihak pekerja dalam memberikan pendapat dan membuat keputusan berkaitan isu-isu keselamatan merupakan salah satu penglibatan pekerja manakala jawatankuasa keselamatan yang disertai oleh pihak majikan dan pekerja dapat menyumbang kepada budaya keselamatan yang baik. Untuk meningkatkan pematuhan keselamatan di kalangan pekerja, penglibatan pekerja dalam organisasi merupakan amalan pengurusan keselamatan yang berkesan yang harus diamalkan oleh sebuah organisasi.

5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Untuk memperhalusi dan mendalami lagi kajian ini, pengkaji ingin membuat cadangan kajian yang lebih banyak lagi melibatkan tapak – tapak binaan di seluruh Malaysia ini kerana ianya sesuatu perkara yang kurang di kaji dan juga majikan yang menjadikan keselamatan di tapak adalah sesuatu perkara yang hanya sekadar melepaskan batuk di tangga. Majoriti di negara ini majikan mengadakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak hanya sekadar memenuhi keperluan kerajaan dan juga sebagai item yang dibayar oleh pihak kerajaan untuk dilaksanakan.

Dengan meluaskan skop kajian ini juga, pengkaji akan dapat mengumpulkan bilangan responden yang lebih ramai dan ini akan membantu dalam mendapatkan keputusan yang lebih tepat.

Akhir sekali, kajian lanjutan berkaitan kesan amalan pengurusan keselamatan terhadap produktiviti kerja juga perlu dilakukan. Ini kerana, tingkahlaku keselamatan

seseorang pekerja tidak menjamin kepada peningkatan produktiviti kerja mereka. Oleh yang demikian, kajian yang lebih mendalam berkaitan perkara ini perlu dilakukan di masa akan datang.

5.6 LIMITASI KAJIAN

Terdapat beberapa perkara yang dikenalpasti wujud di dalam kajian ini. Antaranya ialah:

5.6.1 Faktor Masa

Untuk kajian ini dilaksanakan dalam tempoh masa yang agak terhad yang mana kajian ini memerlukan proses pengedaran borang soal selidik dan pengumpulan kembali borang berkenaan. Proses pengedaran berlaku dengan lancar sekali di mana pengkaji mendapat sepenuh komitmen dan kerjasama daripada pihak pengurusan dan para pekerja di tapak tersebut. Akan tetapi, proses pengumpulan borang soal selidik mengambil masa yang agak lama dan respon yang diterima kurang memberangsangkan.

5.6.2 Penglibatan Responden

Keengganan memberikan kerjasama dalam menjawab borang soal selidik daripada responden juga menjadi salah satu daripada faktor limitasi di dalam kajian ini. Terdapat pekerja yang tidak memberikan kerjasama kerana menganggap ianya suatu gangguan terhadap masa bekerja mereka dan beban tambahan kepada mereka. Oleh yang demikian, borang soal selidik berkenaan tidak dijawab dengan jujur dan ianya sedikit sebanyak mengganggu proses untuk mendapatkan data kajian. Selain itu,

pekerja am di tapak majoriti tidak mempunyai latar pendidikan yang baik menyukarkan pengkaji mendapatkan maklumat yang tepat kerana pekerja tersebut tidak tahu membaca ataupun menulis. Proses mengumpul data terpaksa dibantu oleh supervisor yang menjaga mereka menyebabkan soal selidik tersebut juga tidak dijawab secara telus oleh pekerja yang mengambil bahagian untuk mengisi borang kaji selidik ini.

5.7 KESIMPULAN

Dalam kajian ini telah berjaya untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah dibincangkan di awal perbincangan berkaitan amalan pengurusan keselamatan dan tingkahlaku di salah satu tapak bina di Kota Kinabalu. Penggunaan instrumen kajian yang sesuai dan betul telah membantu pengkaji dalam mendapatkan keputusan yang diperlukan.

Perbandingan antara hubungan terhadap kesedaran keselamatan adalah penting untuk mengetahui dan menilai keberkesanan sesuatu amalan yang dijalankan oleh pihak pengurusan keselamatan bagi membolehkan pekerja mempunyai pengetahuan dan motivasi keselamatan yang tinggi seterusnya mencapai objektif dan matlamat organisasi khususnya di tapak bina.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu para pelajar, organisasi, majikan dan juga pihak kerajaan dalam memahami dengan lebih mendalam berkaitan amalan pengurusan keselamatan di tempat kerja khususnya di tapak bina.

RUJUKAN

- Abdelhamid, T.S. and Everett, J.G. (2000), "Identifying root causes of construction accidents", *Journal of Construction Engineering and Management*, Vol. 126 No. 1, pp. 52-60.
- Bluff, L. (2003). *Systematic Management of Occupational Health and Safety. Occupational Health*, 1–66. Retrieved from [http://ohs.anu.edu.au/publications/pdf/wp 20 - Bluff.pdf](http://ohs.anu.edu.au/publications/pdf/wp%20-%20Bluff.pdf)
- Cheng, E. W. L., Ryan, N., & Kelly, S. (2012). Exploring the perceived influence of safety management practices on project performance in the construction industry. *Safety Science*, 50(2), 363–369.
- Chileshe, N. and Dzisi, E. (2012), "Benefits and barriers of construction health and safety management (HSM): Perceptions of practitioners within design organisations", *Journal of Engineering, Design and Technology*, Vol. 10 No.2, pp. 276-298.
- Choudhry, R. M., Fang, D., & Mohamed, S. (2007). The nature of safety culture: A survey of the state-of-the-art. *Safety Science*, 45(10), 993–1012.
- Creswell, J. W. (2002). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative Research*. Pearson (2012).
- Cox, S.J. and Cheyne, A.J.T. (2000), "Assessing safety culture in offshore environments", *Safety Science*, Vol. 34, pp. 111-129.
- Dekker, S. W. A. (2002). Reconstructing human contributions to accidents: The new view of error and performance. *Journal of Safety Research*. 33, 371-385.
- Dingsdag, D.P., Biggs, H.C. and Sheahan, V.L. (2008), "Understanding and defining OH&S competency for construction site positions: Worker perception", *Safety Science*, Vol. 46, pp. 619–633.

- Fang, D., Chen, Y. and Wong, L. (2006), "Safety climate in construction industry: A case study in Hong Kong", *Journal of Construction Engineering and Management*, Vol. 132 No.6, pp. 573-584.
- Fernández-Muñiz, B., Montes-Peón, J. M., & Vázquez-Ordás, C. J. (2009). Relation between occupational safety management and firm performance. *Safety Science*, 47(7), 980–991.
- Goh, Y. M., & Askar Ali, M. J. (2015). A hybrid simulation approach for integrating safety behavior into construction planning: An earthmoving case study. *Accident Analysis and Prevention*. Vol. 93, pp. 310-318.
- Hale, A., & Borys, D. (2013). Working to rule, or working safely? Part 1: A state of the art review. *Safety Science*, 55, pp. 207–221.
- Harms-Ringdahl, L. (2004), "Relationships between accident investigations, risk analysis, and safety Management", *Journal of Hazardous Material*, Vol. 111, pp. 13-19.
- Healey, M. (2005) Linking research and teaching: disciplinary spaces. In: R. Barnett (Ed.) *Reshaping the University: New Relationships between Research, Scholarship and Teaching*, 30-42.
- Hofmann, D.A., Jacobs, R. and Landy, F. (1995), "High reliability process industries: Individual, micro, and macro-organisational influences on safety performances", *Journal of Safety Research*, Vol. 26, pp. 131-149.
- Hon, C.K.H., Hinze, J. and Chan, A.P.C. (2014), "Safety climate and injury occurrence of repair, maintenance, minor alteration and addition works: A comparison of workers, supervisors and managers", *Facilities*, Vol. 32 Iss 5/6, pp. 188-207.

- Huang, Y.H., Ho, M., Smith, G.S. and Chen, P.Y. (2006), "Safety climate and self reported injury: *Assessing the mediating role of employee safety control*", *Accident Analysis and Prevention*, Vol. 38, pp. 425–433.
- Jaafar Sarani, W.W Choong, Mohamed A.H, (2017) "Facilities maintenance employees' priority of safety management practices: A research study in Malaysia", *Facilities*, Vol. 35 Issue: 5/6, pp.319-334
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2017), *Occupational Accidents Statistics by Sector Until October 2017*. Retrived November 30, 2017 from <http://www.dosh.gov.my/index.php/en/occupational-accident-statistics/by-sector>
- Labodova, A. (2004), "Implementing integrated management systems using a risk analysis based approach", *Journal of Cleaner Production*, Vol 12, pp. 571–580.
- Langford, D., Rowlinson, S., and Sawacha, E. (2000), "Safety behavior and safety management: Its influence on the attitudes of workers in the UK construction industry". *Engineering, Construction and Architectural Management*, Vol. 7 Iss 2, pp. 133–140.
- Law, W.K., Chan, A.H.S. and Pun, K.F. (2006), "Prioritising the safety elements: A hierarchical analysis for manufacturing enterprises", *Industrial Management and Data Systems*, Vol. 106 Iss. 6, pp. 778–792
- Leung, M.-Y., Liang, Q., & Olomolaiye, P. (2016). Impact of Job Stressors and Stress on the Safety Behavior and Accidents of Construction Workers. *Journal of Management in Engineering*, 32(1), 4015019.
- Mearns, K., Whitaker, S.M. and Flin, R. (2003), "Safety climate, safety management practice and safety performance in offshore environments", *Safety Science*, Vol 4, pp. 641-680.

- Neal, A., Griffin, M. A., & Hart, P. M. (2000). The impact of organizational climate on safety climate and individual behavior. *Safety Science*, 34(1–3), 99–109.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I. H. (1994). Psychometric theory (3rd ed.). New York: McGraw-Hill. *Journal of Psychoeducational Assessment*, 1999,17, 275-280.
- Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (2017). *Number of Industrial Accidents Reported 2011 - 2015 (2017)*. Retrived July 30, 2017 from <http://www.perkeso.gov.my/my/laporan/bilangan-kemalangan.html>
- Saidin Misnan & Abdul Hakim. (2007). Pembangunan Budaya Keselamatan dalam Industri Pembinaan. *The Malaysian Surveyor*, 20-33.
- Sari, F.O. (2009), “Effects of employee trainings on the occupational safety and health in accommodation sector”, *Procedia Social and Behavioral Sciences*, Vol. 1, pp. 1865- 1870.
- Sekaran, U. (2005). Research method for business: A skill building approach. United Kingdom: John Wiley & sons, Inc (2012).
- Sidek, L. A. (2015). *THE RELATIONSHIP BETWEEN SAFETY MANAGEMENT PRACTICE AND SAFETY BEHAVIOUR AMONG EMPLOYEES OF ONE AUTOMOTIVE COMPANY IN MALAYSIA*. Universiti Utara Malaysia.
- Suraji, A. , DRoy Duff, and P. S. J. (2001). Collective Household Model. *Journal of Construction Engineering and Management*, 127(AUGUST), 337–344.
- Toole, T. M. (2002), “Construction site safety roles”, *Journal of Construction Engineering and Management*”, Vol. 128 No. 3, pp. 203-210.
- Vinodkumar, M. N., & Bhasi, M. (2009). Safety climate factors and its relationship with accidents and personal attributes in the chemical industry, *Safety Science*, 47(5), 659–667.

- Vinodkumar, M. N., & Bhasi, M. (2010). Safety management practices and safety behaviour: Assessing the mediating role of safety knowledge and motivation. *Accident Analysis and Prevention*. Vol. 42 Issue 6, pp. 2082-2093
- Vredenburg, A.G. (2002), "Organisational Safety: Which Management Practices are Most Effective in Reducing Injury Rates?", *Journal of Safety Research*, 33: 259-276.
- Waring, A. (1996), "Corporate health and safety strategy", *Facilities*, Vol. 14 No 3/ 4, pp. 52-55.
- Wilson Jr, Joe M. and Koehn, E. (2000), "Safety management: Problems encountered and recommended solutions", *Journal of Construction Engineering and Management*, Vol. 126 No 1, pp. 77-79.
- Zin, S. M., & Ismail, F. (2012). Employers' Behavioural Safety Compliance Factors toward Occupational, Safety and Health Improvement in the Construction Industry. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 36(June 2011), 742–751.
- Zohar, D. (1980), "Safety climate in industrial organisations: Theoretical and applied implications", *Journal of Applied Psychology*, Vol. 65 No 1, pp. 96-102.

LAMPIRAN 1

Bahagian A: Maklumat Demografi Section A: Demographic Information

Sila tanda (✓) pada ruangan yang sesuai atau isi pada tempat kosong, yang mana bersesuaian.

Please check (✓) in the appropriate box or fill in the blank, where appropriate.

1. Jantina anda (*Your gender*):
☐ Lelaki (*Male*)
☐ Perempuan (*Female*)
2. Taraf perkahwinan anda (*Your marital status*):
☐ Bujang (*Single*)
☐ Berkahwin (*Married*)
☐ Janda/duda/bercerai (*Divorced/widowed*)
3. Tahap pendidikan tertinggi anda (*Your highest educational level*):
☐ Sekolah rendah (*Primary education*)
☐ LCE/SRP/PMR
☐ MCE/SPM/SPMV
☐ HSC/STPM
☐ Lain-lain, sila nyatakan (*Others, please specify*): _____
4. Bangsa (*Race*):
☐ Melayu (*Malay*)
☐ Cina (*Chinese*)
☐ India (*Indian*)
☐ Kadazan/Dusun/Murut (*Kadazan/Dusun/Murut*)
☐ Bajau (*Bajau*)
☐ Lain-lain, sila nyatakan (*Others, please specify*): _____
5. Umur anda (*Your age*): _____ tahun (*years*)
6. Maklumat Pekerjaan (*Information of Occupation*):
☐ Pekerja mahir (*Skilled worker*)
☐ Pekerja separuh mahir (*Semi-skilled worker*)
☐ Pekerja tidak mahir (*Non-skilled worker*)
☐ Pengurusan (*Management*)
☐ Lain-lain, sila nyatakan (*Others, please specify*): _____
7. Sudah berapa lama anda berkhidmat dengan syarikat yang anda bekerja sekarang?
(*How long have you been working with current company?*)
_____ tahun (*years*)

SOAL SELIDIK KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA (SURVEY OF WORKPLACE SAFETY)

Bahagian B: Amalan Pengurusan Keselamatan

Section B: Safety Management Practices

Berdasarkan pandangan anda terhadap amalan keselamatan dalam jabatan anda sekarang, bulatkan jawapan yang paling tepat berdasarkan skala jawapan di bawah:

(Based on your perception on the safety management practices in the department that you are currently working, please circle the most appropriate answer based on the scale below)

Sangat tidak setuju (Strongly disagree)	Tidak setuju (Disagree)	Berkecuali (Neither agree nor disagree)	Setuju (Agree)	Sangat setuju (Strongly agree)
1	2	3	4	5

Management Commitment / Komitmen Pengurusan

1	Jabatan ini memberi keutamaan kepada keselamatan (Safety is given high priority by the department.)	1	2	3	4	5
2	Peraturan dan prosedur keselamatan dipatuhi dengan tegas oleh pihak pengurusan. (Safety rules and procedures are strictly followed by the management.)	1	2	3	4	5
3	Tindakan pembetulan sering diambil oleh pihak pengurusan apabila dimaklumkan mengenai amalan yang tidak selamat. (Corrective action is always taken when the management is told about unsafe practices.)	1	2	3	4	5
4	Penyelia di tempat kerja saya tidak menunjukkan minat terhadap keselamatan pekerja. (In my workplace supervisor do not show interest in the safety of workers.)	1	2	3	4	5
5	Pihak pengurusan merasakan keselamatan dan pengeluaran adalah sama penting. (Management considers safety to be equally important as production.)	1	2	3	4	5
6	Ahli pengurusan tidak menghadiri mesyuarat keselamatan. (Members of the management do not attend safety meetings.)	1	2	3	4	5
7	Saya merasakan pihak pengurusan sanggup berkompromi mengenai keselamatan untuk meningkatkan pengeluaran. (I feel that management is willing to compromise on safety	1	2	3	4	5

	for increasing production.)					
8	Apabila kemalangan nyaris dilaporkan, pihak pengurusan bertindak segera untuk menyelesaikan masalah tersebut. (When near-miss accidents are reported, my management acts quickly to solve the problems.)	1	2	3	4	5
9	Syarikat ini menyediakan peralatan perlindungan diri yang mencukupi kepada pekerja. (My company provides sufficient personal protective equipment for the workers.)	1	2	3	4	5

Safety Training / Latihan Keselamatan

1	Syarikat ini memberi latihan menyeluruh kepada pekerja mengenai isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. (My company gives comprehensive training to the employees in the workplace health and safety issues.)	1	2	3	4	5
2	Pekerja baharu dilatih secukupnya untuk mempelajari peraturan dan prosedur keselamatan. (Newly recruits are trained adequately to learn safety rules and procedures.)	1	2	3	4	5
3	Isu keselamatan diberi keutamaan dalam program latihan. (Safety issues are given high priority in training programmes.)	1	2	3	4	5
4	Saya tidak dilatih secukupnya untuk bertindak dalam situasi kecemasan di tempat kerja. (I am not adequately trained to respond to emergency situations in my workplace.)	1	2	3	4	5
5	Pihak pengurusan menggalakkan pekerja menghadiri program latihan keselamatan. (Management encourages the workers to attend safety training programmes.)	1	2	3	4	5
6	Latihan keselamatan yang diberikan kepada saya mencukupi untuk saya menilai bahaya di tempat kerja. (Safety training given to me is adequate to enable to assess hazards in workplace.)	1	2	3	4	5

Safety Rules and Procedures

1	Peraturan dan prosedur yang ada di dalam syarikat adalah cukup untuk mencegah insiden. (The rules and procedures followed in my company are sufficient to prevent incidents occurring.)	1	2	3	4	5
2	Kemudahan di dalam jabatan keselamatan tidak cukup untuk memenuhi keperluan organisasi saya. (The facilities in the safety department are not adequate to meet the needs of my organization.)	1	2	3	4	5
3	Penyelia dan pengurus sentiasa memastikan prosedur kerja selamat di patuhi. (My supervisors and managers always try to enforce safe working procedures.)	1	2	3	4	5
4	Pemeriksaan keselamatan sentiasa dijalankan secara kerap. (Safety inspections are carried out regularly.)	1	2	3	4	5
5	Prosedur dan amalan dalam bidang keselamatan sangat berguna kepada organisasi. (The safety procedures and practices in this organization are useful and effective.)	1	2	3	4	5

Bahagian C: TINGKAH LAKU KESELAMATAN

Section C: Safety Behavior

Berdasarkan pandangan anda terhadap tingkah laku keselamatan dalam jabatan anda sekarang, bulatkan jawapan yang paling tepat berdasarkan skala jawapan di bawah:

(Based on your perception on the safety behavior in the department that you are currently working, please circle the most appropriate answer based on the scale below)

Safety Compliance / Pematuhan Keselamatan

1	Saya menggunakan semua peralatan keselamatan yang diperlukan untuk menjalankan kerja saya. (I use all the necessary safety equipment to do my job.)	1	2	3	4	5
2	Saya menjalankan kerja secara selamat. (I carry out my work in a safe manner.)	1	2	3	4	5
3	Saya mengikuti peraturan dan prosedur keselamatan yang betul semasa menjalankan tugas. (I follow correct safety rules and procedures while carry out my job.)	1	2	3	4	5
4	Saya memastikan tahap keselamatan paling tinggi semasa melakukan kerja saya.. (I ensure the highest levels of safety when i carry out my job.)	1	2	3	4	5

5	Sekali-sekali disebabkan oleh kekurangan masa, saya menyimpang dari prosedur kerja yang betul dan selama. (Occasionally due to lack of time, I deviate from correct and safe work procedures.)	1	2	3	4	5
6	Sekali- sekala kerana kebiasaan dengan pekerjaan, saya menyimpang dari prosedur kerja yang betul dan selamat. (Occasionally due to over familiarity with the job, I deviate from correct and safe work procedures.)	1	2	3	4	5
7	Ia tidak praktikal untuk mematuhi semua peraturan dan prosedur keselamatan ketika melakukan pekerjaan. (It is not practical to follow all safety rules and procedures while doing a job.)	1	2	3	4	5

Safety Participation / Penyertaan Keselamatan

1	Saya membantu pekerja saya ketika mereka bekerja di bawah keadaan berisiko atau berbahaya. (I help my co- worker when they are working under risky or hazardous conditions.)	1	2	3	4	5
2	Saya sentiasa menunjukkan kepada pihak pengurusan sekiranya ada perkara berkaitan keselamatan yang dapat dilihat di syarikat saya. (I always point out to the management if any safety related matters are noticed in my company.)	1	2	3	4	5
3	Saya memberikan usaha yang lebih untuk meningkatkan tahap keselamatan di tempat kerja saya. (I put in extra effort to improve the safety of the workplace.)	1	2	3	4	5
4	Saya secara sukarela melakukan tugas atau aktiviti untuk membantu meningkatkan keselamatan di tempat kerja. (I voluntarily carry out tasks or activities that help to improve workplace safety.)	1	2	3	4	5
5	Saya menggalakkan rakan sekerja saya bekerja dengan selamat. (I encourage my co-workers to work safely.)	1	2	3	4	5

KAJISELIDIK TAMAT (END OF QUESTIONNAIRE)
TERIMA KASIH (THANK YOU)

LAMPIRAN 2



UUM Kuala Lumpur
Universiti Utara Malaysia
41-3, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 2610 3000
Fax: (603) 2694 9228
<http://uumkl.uum.edu.my>

"MUAFAKAT KEDAH"

Our Ref : UUM/UUMKL/P-39/133

Date : 28 September 2017

TO WHOM IT MAY CONCERN

COLLECTION OF DATA FOR RESEARCH PURPOSES

We are pleased to inform you that the following individual is UUM Kuala Lumpur student who is presently pursuing his Master of Science Occupational Safety and Health Management. He is required to collect data from your organization as a requirement for the BPMZ69912 Research Paper courses that he is pursuing this semester.

No.	Name	Matric No.	I/D No.
1.	Rushamizan Bin Rustam	821314	830210-12-6369

Please be informed that the data collected is purely for academic purposes and we assure you that all information or data will be kept strictly confidential.

We really appreciate your kindness and cooperation in the above matter.

Thank you.

"SCHOLARSHIP, VIRTUE AND SERVICE"

Sincerely yours,

DR. AHMAD RIZAL BIN MAZLAN

Director
Universiti Utara Malaysia
Kuala Lumpur (UUMKL)



The Eminent Management University